ڤتيقن تيته

PETIKAN TITAH

"SEHUBUNGAN itu dengan kewujudan pelbagai peralatan canggih pertahanan, beta inginlah mengingatkan supaya Kementerian Pertahanan lebih bijaksana dalam menilai keutamaan-keutamaan yang diperlukan, selaras dengan perkembangan semasa serta penilaian ancamana atau threats assessment terhadap negara."
- Titah Sempena di Majlis Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Yang ke-46 Tahun pada 14 Jamadilawal 1428 / 31 Mei 2007

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pelita BRUNEI ڤليتا بروني

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسڽ ايمان

MANISNYA IMAN

"SESUNGGUHNYA Neraka Jahanam adalah untuk orang-orang yang melampaui batas hukum Tuhan, sebagai tempat kembalinya mereka yang tinggal di dalamnya berkurun-kurun lamanya. Mereka tidak dapat merasai udara yang sejuk di dalamnya. Dan tidak pula sebarang minuman kecuali air panas yang menggelegak dan air danur yang mengalir sebagai balasan yang sesuai dengan amal mereka yang buruk kerana sesungguhnya mereka dahulu tidak menaruh ingatan terhadap hari perhitungan amal."
- ( Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An Naba' ayat 21 - 28).

TAHUN 58 / BILANGAN 103 | 28 OGOS 2013 / 20 شوال 1434 | EDISI RABU / PERCUMA





# ICT penjana kemajuan ekonomi

## Sambutan Hari Raya Aidilfitri Yayasan SHHB penuh kemeriahan



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menandatangani lembaran kenangan sempena keberangkatan dan Pameran ICT di Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1434H anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. (** ***Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 12, 13 dan 24*** **). - Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd.Ali.**

**Oleh : Samle Haji Jait**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor, Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 Ogos. - Negara Brunei Darussalam telah menyaksikan kemajuan dalam penggunaan dan penerapan teknologi infokomunikasi (ICT) menerusi pelbagai rancangan e-Kerajaan, rancangan perdagangan (e-Commerce), rancangan pendidikan (e-Education), media penyiaran dan sebagainya.

Menurut Network Readliness Index (NRI), pada tahun 2008 hingga 2010, kedudukan Negara Brunei Darussalam adalah pada tahap 63 daripada 133 ekonomi sementara pada tahun 2012/2013, kedudukan itu meningkat ke tahap 57.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1434H anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah, perkembangan itu petanda baik sekali gus menunjukkan sektor ICT semakin berkembang dan dijangka akan terus berkembang.

Menurut baginda, ICT akan terus maju menjadi penjana kepada kemajuan ekonomi di mana menurut International Telecommunication Union, terdapat 6.8 bilion pelanggan mobile-cellular dan 40 peratus penduduk dunia atau 2.7 bilion orang adalah pengguna internet.

"Kita tidak mampu meramalkan sampai bilakah kemajuan ini mencapai kemuncaknya, yang nyata ia meningkat dan terus meningkat sementara sambutan atau respons pengguna pula telah menjadikannya benar-benar telah menguasai dunia ini," titah baginda.


DI DALAM



Muka 5

SEBUMBUNG Warna Warni di Hari Raya' meriah


# Kuasa ICT berpotensi pengaruhi kehidupan

**Oleh : Samle Haji Jait**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 Ogos. - Kuasa teknologi infokomunikasi (ICT) sangat besar dan berpotensi untuk mempengaruhi seluruh kehidupan kerana jika ia digunakan untuk kebaikan, maka kebaikan itu dengan mudah boleh dicapai namun jika sebaliknya digunakan untuk keburukan, tidak syak lagi ia adalah racun berbisa untuk semua.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pasuka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah, kita semua sentiasa waspada dan berhati-hati terhadap kemungkinan-kemungkinan negatif dari penggunaan ICT terutama di kalangan generasi muda bahkan juga kanak-kanak.


**Ke muka 24**

# Infrastruktur metrologi jadi keutamaan bagi perkembangan negara

**Bismillahir Rahmanlr Rahim**
**Assalamualaikum Warahmalullahi Warabakatuh dan Salam Sejahtera**

SEGALA puji-pujian bagi Allah Subahanahu wataala, selawat serta salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam serta kerabat, sahabat-sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Setiausaha Tetap, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama selaku pengerusi majlis di atas penghormatan yang diberikan kepada saya untuk menjadi Tetamu Kehormat di Majlis Seminar On Measurements ln Daliy Life sempena Sambutan Hari Metrologi Sedunia 2013.

Tujuan utama seminar ini diadakan adalah bagi memberikan pendedahan kepada orang ramai akan kefahaman mengenai metrologi dan juga kepentingannya pada kehidupan seharian serta terdapatnya aktiviti-aktiviti metrologi ini yang dikendalikan oleh agensi-agensi kerajaan dan swasta di Negara Brunei Darussalam.

Metrologi atau juga dikenali sebagai sains sukatan ialah salah satu sains yang berhubungkait dengan aktiviti ketetapan di dalam pengukuran atau sukatan dan timbangan. lanya sangat diperlukan dalam kerja-kerja seharian untuk menjamin keselamatan dan perlindungan pengguna. Masyarakat di negara ini belum lagi memahami akan kepentingannya dalam kehidupan seharian.

Sambutan Hari Metrologi Sedunia juga diadakan di seluruh dunia pada setiap tahun bagi memperingati Metre Convention atau juga dikenali Treaty of The Metre yang ditandatangani pada 20 Mei 1875, iaitu perjanjian dalam pembangunan dan pemantauan oleh badan standard sukatan (Bureau of Weight and Measures) atau juga dikenali sebagai BlPM dalam penggunaan sistem metrik di peringkat antarabangsa.

Keperluan adanya infrastruktur metrologi adalah satu keutamaan bagi perkembangan dan kemajuan sesebuah negara serta keperluan bagi aktiviti-aktiviti eksport dan perdagangan iaitu dalam memudahkan pengangkutan bahan-bahan seperti ternakan dan tumbuh-tumbuhan. Keperluan ini bukan sahaja ketara pada produk-produk makanan, malah ianya juga bagi produk-produk dalam bidang komunikasi, perdagangan, keselamatan dan perlindungan pengguna, sain dan teknologi dan lain-lain.

Tema Hari Metrologi Sedunia pada tahun ini, iaitu 'Measurements in Daily Life' nengetengahkan akan pentingannya sukatan dan timbangan dalam kehidupan seharian bagi menangani isu-isu yang ada impak kepada kualiti kehidupan masyarakat seperti kesihatan, keselamatan, alam sekitar, hak pengguna dan juga kualiti permakanan. Untuk memenuhi keperluan-keperluan ini, Negara Brunei Darussalam telah giat sejak ditahun 1912 lagi dalam membangunkan serta mengukuhkan infrastruktur standard dan konforman Negara termasuk infrastruktur metrologi melalui agensi-agensi yang berkaitan lni adalah demi untuk menjana keselamatan produk-produk dan tahap perkhidmatan yang memenuhi spesifikasi yang digariskan dalam memastikan keselamatan masyarakat dan perlindungan pengguna tidak terjejas.



**MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, dalam Majlis Seminar On Measurements In Daliy Life pada hari Isnin 18 Syawal 1431 bersamaan dengan 26 Ogos 2013, di Goldstone Ballroom, Centrepoint Hotel.**

Metrologi di Negara Brunei Darussalam bukanlah salah satu topik yang baru. Pada Tahun 1913 kerajaan telah menubuhkan satu unit sukatan dan timbangan di bawah Kawalan Polis Diraja Brunei. Pada ketika iiu, rakyat Negara ini masih menggunakan sistem imperial sebagai cara perdagangan dalam pembelian barang-barang seharian seperti beras, tepung dan gula. Dengan adanya Akta sukatan dan Timbangan yang yang telah diluluskan pada tahun 1986, sistem perdagangan di negara ini diubah kepada sistem metrik mengikut keperluan antarabangsa serta ianya juga bertujuan untuk melindungi hak pengguna melalui kerja-kerja pengawasan peralatan-peralatan sukatan dan timbangan yang digunakan dalam perdagangan.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Pusat Standard Kebangsaan juga pada masa ini sedang bergiat dalam mengukuhkan infrastruktur standard dan konforman di Negara Brunei Darussalam. Salah satu rancangan yang Kementerian ini telah laksanakan ialah pembangunan, Makmal Metrologi Suhu di bawah Bahagian Standard Sukatan (lMeasurement Standards Division - MSD), Pusat Standard Kebangsaan, Kemenierian Perindustrian Sumber-Sumber Utama yang telah dirasmikan pada 8 Julai 2013 sempena Sambutan Hari Metrologi Sedunia tahun lepas.

Melalui Bahagian Standard Sukatan ini Pusat Standard Kebangsaan akan memainkan peranan sebagai pihak berkuasa dalam memelihara standard sukatan kebangsaan yang dapat dikesan *(traceable)* kepada Sistem Antrabangsa iaitu lnternational System of Units (Sl). Makmal-makmal di bawah Bahagian Standard Sukatan akan berperanan sebagai Makmal Metrologi Kebangsaan atau Makmal Sukatan Kebangsaan yang mempunyai bidang tugas bagi memastikan standard sukatan kebangsaan adalah selaras dengan Sistem Antrabangsa (Sl Unit) seperti dalam perjanjian Metre Convention.

Dengan adanya makmal ini akan dapat menangani isu Tracebility dan Cross Border Recognition serta dapat mendokong standard persijilan dan pengiktirafan makmal yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi memudahkan aktiviti-aktiviti eksport serta mengukuhkan infrastruktur / standard dan konforman dalam bidang metrologi yang sangat diperlukan bagi setiap negara bagi meningkatkan aktiviti-aktiviti perdagangan, keselamatan dan perlindungan pengguna di Negara Brunei Darussalam.

Perkhidmatan dari makmal ini juga akan dapat memudahkan serta membantu makmal-makmal ujian di bawah agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam menepati keperluan pengiktirafan makmal seperti Good Laboratory Practice - GLP, ISO/IEC 17025 dan ISO 15189 bagi mendapatkan laporan ujian yang sahih. Secara tidak langsung makmal ini akan dapat membantu Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) serta industri-industri dan kilang-kilang dalam menepati standard persijilan antarabangsa seperti persijilan Good Manufacturing Practice (GMP), Persijilan Produk, HACCP, ISO 22000, ISO 9001 dan ISO 14001.

Pihak Kementerian juga merancang untuk membangunkan sistem standard antarabangsa bagi makmal berkenaan serta meningkatkan kebolehpercayaan dan keyakinan pihak pelanggan dengan membangunan sistem pengurusan makmal mengikuti standard antarabangsa iaitu ISO /lEC 17025, sistem pengurusan alam sekitar ISO 14001 dan juga sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan atau juga dikenali sebagai Occupacation Health and Safety Standard Management System (OHSAS). Pusat Standard Kebangsaan juga membuat perancangan untuk menjadi ahli kepada Asia Pacific Metrology Programme atau juga dikenali sebagai APMP di peringkat serantau dan di peringkat antarabangsa iaitu Bureau Weights and Measures atau juga dikenali sebagai BIPM serta mengikut aktiviti-akiiviti teknikal makmal suhu agar makmal tersebut memperolehi pengiktirafan sebagai Makmal Metrologi Kebagsaan yang mempunyai standard sukatan utama *(primary measurements standards)* setaraf dengan negara lain.

**Ke muka 3**

Dari Sidang Pengarang.

28 OGOS 2013 BERSAMAAN 1434 شوال 20

## NEGARA DIKEDUDUKAN KE 57 DALAM TEKNOLOGI ICT

**DALAM** suasana keraian Aidilfitri,Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sekali lagi menganjurkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri, yang mana telah disertai oleh para pengusaha, persatuan, pelajar,dan individu yang bergiat aktif dalam sektor teknologi ICT yang telah membantu perkembangan ekonomi negara.

Sepanjang sepuluh tahun majlis ini diadakan, Yayasan telah mengetengahkan pelbagai lapisan masyarakat sebagai peserta, antaranya para karyawan atau profesional muda sebagai peserta para 'achievers' , ahli-ahli badan bukan Kerajaan (NGO's), para peserta terdiri dari pelajar yang berjaya dalam bidang akademik dan ko-kurikulum, para ilmuan iaitu para pegawai-pegawai utama dan tenaga-tenaga akademik institusi pengajian tinggi dan pusat-pusat latihan kemahiran dan rakan-rakan strategik dan sukarelawan Yayasan.

Pada tahun 2010 pula, Yayasan telah mengetengahkan pegawai dan kakitangan dari agensi-agensi penguatkuasa awam sebagai peserta. Tahun 2011 adalah terdiri daripada para pengusaha dari Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan syarikat-syarikat kerjasama yang berdaftar dengan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama; LiveWire dan i-Centre. Dan pada tahun 2012 menampilkan para profesional dan pegawai-pegawai serta kakitangan tempatan yang berkhidmat di Government Linked Companies (GLC) yang mewakili sektor swasta perusahaan dan perkhidmatan yang dikenalpasti membantu dan menjana ekonomi negara.

Peserta yang terdiri para pengusaha dan mereka yang terlibat dengan teknologi ICT di majlis ini berpeluang bersemuka dan berinteraksi dengan lebih dekat bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien,Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat-kerabat diraja yang lain.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia di majlis itu bertitah menyentuh tetang peranan teknologi ICT di negara ini, di mana telah menyaksikan kemajuan dalam penggunaan dan penerapan teknologi ICT menerusi pelbagai rancangan termasuk dalam E-Kerajaan, rancangan perdagangan (E-Commerce), rancangan pendidikan (E-Education), media penyiaran dan sebagainya. Dalam bidang ini, sebagaimana yang dititahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dimajlis itu, bahawa menurut 'Network Readliness Index (NRI)' pada tahun 2008 hingga 2010, kedudukan Brunei adalah pada tahap 63 daripada 133 ekonomi sementara pada tahun 2012/2013, kedudukan itu meningkat ke tahap 57.

Laporan perkembangan ini bukanlah satu perkara yang mustahil, kerana ICT memang amat penting dalam kehidupan seharian masa kini. Dan bagi meningkatkan perkembanagn ICT di negara ini, kerajaan telah menunbuhkan Pusat Inkubator ( iCentre ) di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei, yang merupakan inkubator teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang pertama, bertujuan untuk mengembangkan dan memajukan syarikat-syarikat ICT dan pengusaha-pengusaha generasi seterusnya di negara ini.

Tujuan utama iCentre diperkenalkan ialah bagi membantu para pengusaha tempatan untuk menjadi lebih kompetitif dan berusaha mengeksportkan idea-idea serta produk-produk mereka ke pasaran-pasaran luar negeri. Dan ianya akan menjadi pemangkin ke arah perkembangan industri ICT di Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun sejauh mana kemajuan ICT di arena global, Baginda mengingatkan supaya sentiasa waspada dan berhati-hati terhadap kemungkinan-kemungkinan negatif dari penggunaan ICT terutama di kalangan generasi muda bahkan juga kanak-kanak. Titah Baginda, penggunaan yang tidak betul dan menyelewang, boleh mengundang kepada kemudharatan-kemudharatan serious bagi individu, keluarga dan masyarakat.

Bagi sama-sama menanganinya,Baginda mengingatkan agensi-agensi yang bertanggungjawab dan semua sektor yang berkaitan hendaklah memastikan, ICT hanyalah sebagai pemudah cara untuk meningkatkan produktiviti, keberkesanan dan effisiensi di dalam urusan dan bukan untuk sebaliknya yang boleh merusakkan generasi muda khususnya dan para belia di negara ini. **– Ketua Penyuntingan.**




SIDANG PENGARANG

**Pemberitaan/Rencana**
Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor, Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli, Norliah Md. Zain, Hezlinawati Haji Abd. Karim, Haji Aliddin Haji Moktal, Ak. Jefferi Pg. Durahman, Haniza Abdul Latif, Abdullah Asgar, Abu Bakar Haji Abdul Rahman, Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Hajah Siti Zuraihah Haji Sulaiman, Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim, Rohani Haji Abdul Hamid, Nooratini Haji Abas, Khartini Hamir, Saerah Haji Abdul Ghani, Aimi Sani, Noraishah Muhamad, Aryentty Haji Ariffin

**Ketua Penyuntingan**
Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli, Hajah Zabaidah Haji Salat, Samle Haji Jait

**Penyemakan**
Haji Besar Haji Mamit, Hajah Norliha Haji Salleh, Ramlah Md. Nor, Nurul Hazwani Abu Omar, Siti Faizahanisah Awang Mahani, Siti Noorzaimah Haji Nooralli

**Juruteknik Foto**
Hatral Hazmi Abdul Hamid, Jurainah Haji Jait, Nornasyirah Nordin

**Penyuntingan**
Haji Sahari Akim, Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad, Siti Muslihat Haji Salleh, Bolhassan Haji Abu Bakar, Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

**Penterjemahan**
Hajah Musmariani Haji Mohammad

**Pereka Letak**
Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor, Haji Ahmad Haji Salim, Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi, Muhammad Hamdanajib Haji Domeng, Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi, Hajah Raini Haji Bidin, Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

| AMBULANS | POLIS | BOMBA | PENYELAMAT | PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | ELEKTRIK | NDMC |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 991 | 993 | 995 | 998 | 140 | 144 | 2380214 |

# DPMM dan YTM Pengiran Anak Isteri berkenan menerima mengadap



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein dan isteri, Tengku Datin Seri Marsilla Tengku Abdullah**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Masri Osman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman, berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein dan isteri, Tengku Datin Seri Marsilla Tengku Abdullah.

Juga hadir dalam Majlis Mengadap tersebut ialah Ketua Setiausaha, Kementerian Pertahanan, Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Ismail Haji Ahmad dan Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Cik Haznah Md Hashim.

Turut hadir dalam Majlis Mengadap tersebut ialah Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar dan isteri, Datin Hajah Noryasimah binti Abdullah; Setiausaha Tetap JPM, Dato Paduka Awang Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pengiran Dato Paduka Haji Azmansham bin Pengiran Haji Mohamad.

Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein berada di negara ini bagi lawatan pengenalan selama tiga hari.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Qashr Al-Meezaan.

# Bincang pelbagai isu dua hala, hubungan ASEAN-China



**Laporan : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali**
**dari Beijing, Republik Rakyat China**



**BEIJING, REPUBLIK RAKYAT CHINA, Selasa, 27 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Wang Yi malam ini mengadakan perjumpaan di sebuah hotel terkemuka di Beijing bagi membincangkan pelbagai isu dua hala dan hubungan ASEAN-China.**

## HALUAN

# Infrastruktur metrologi jadi keutamaan bagi perkembangan negara

**Dari muka 2**

Langkah-langkah seterusnya adalah dirancang untuk meningkatkan kapasiti makmal ini bagi bidang-bidang yang lain seperti *volume, mass and weight, pressure, humidity, length and dimension, force* dan lain-lainnya mengikut keutamaan dan keperluan di Negara Brunei Darussalam. Bagi memenuhi keperluan tersebut Kementerian ini melalui Pusat Standard Kebangsaan merancang untuk membangunkan Bangunan Makmal Metrologi Kebangsaan dan Pejabat Pusat Standard Kebangsaan yang strategik iaitu terletak di kawasan Kampung Mata-Mata, Gadong. Peningkatan pembangunan makmal ini akan dapat mendokong dasar Kerajaan dalam memastikan aktiviti-aktiviti peniagaan dan eksport bagi industri-industri serta pengusaha-pengusaha tempatan melalui standard sukatan kebangsaan yang mempunyai pengiktirafan di peringkat antarabangsa.

Kementerian ini juga merancang untuk menubuhkan Jawatankuasa Metrologi Kebangsaan di bawah penjagaan Majlis Standard Kebangsaan. Jawatankuasa ini akan berperanan sebagai badan penasihat dalam hal-hal berkaitan dengan objektif dasar kebangsaan bagi aktiviti-aktiviti sistem pengukuran, penilaian konformiti, pengurusan kualiti makmal dan makmal-makmal rujukan di peringkat kebangsaan serta antarabangsa. Dengan adanya badan yang memantau aktiviti-aktiviti metrologi di negara ini akan membentukkan kerjasama diantara pihak kerajaan dan swasta dalam memastikan metrologl di Negara Brunei Darussalam ditahap kebangsaan, serantau dan juga antarabangsa.

Saya berharap dengan ada aktiviti Seminar On Measurements In Daily Life pada tahun ini di Negara Brunei Darussalam akan dapat mendedahkan lebih mendalam lagi akan kepentingan metrologi alau sains sukalan pada kehidupan seharian dan membantu pembangunan infrastruktur metrologi di Negara Brunei Darussalam dalam mendokong aktiviti-aktiviti perdagangan, sains & teknologi, industri-iniustri, kesihatan, keselamatan dan perlindungan pengguna.

Sebelum mengakhiri ucapan saya, setinggi-tinggi penghargaan disampaikan kepada pihak agensi-agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam keria-kerja metrologi di negara ini di atas komitmen yang tinggi dan usaha gigih memberikan sumbangan yang posttif kepada negara demi untuk memajukan serta mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam di peringkat serantau dan antarabangsa dan juga dalam menjayakan sambutan pada tahun ini. Saya juga tidak lupa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penceramah-penceramah undangan dalam memberikan taklimat yang mengariskan kepentingan metrologi dalam pekerjaan dan kehidupan seharian. Semoga segala apa yang kita kerjakan akan diredai oleh Allah Subhanahu Wataala jua.

# DPPW berangkat ke Beijing, Republik Rakyat China



Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berangkat ke Beijing, Republik Rakyat China bagi menghadiri 'Special ASEAN-China Foreign Minister Meeting'.

Berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan (KHELNP) dan Yang Amat Mulia Pengiran Laila Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Hadir sama di LTAB termasuk Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Kedua, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Setia Lim Jock Seng, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke negara ini, Tuan Yang Terutama Zheng Xianglin dan pegawai-pegawai kanan dari KHELNP.

**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berangkat ke Beijing, Republik Rakyat China bagi menghadiri 'Special ASEAN-China Foreign Minister Meeting'.**

# Jawatankuasa Metrologi Kebangsaan akan ditubuhkan

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Ogos. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) sedang merancang untuk menubuhkan Jawatankuasa Metrologi Kebangsaan di bawah penjagaan Majlis Standard Kebangsaan.

Jawatankuasa itu akan berperanan sebagai badan penasihat dalam hal-hal berkaitan dengan objektif dasar kebangsaan bagi aktiviti-aktiviti sistem pengukuran, penilaian konformiti, pengurusan kualiti makmal dan makmal-makmal rujukan di peringkat kebangsaan serta antarabangsa.

Dengan adanya badan yang memantau aktiviti-aktiviti metrologi di negara ini akan membentuk kerjasama di antara pihak kerajaan dan swasta dalam memastikan aktiviti metrologi di Negara Brunei Darussalam di tahap kebangsaan, serantau dan juga antarabangsa.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar menyatakan perkara itu semasa menyampaikan ucaptama pada Seminar Mengenai Sukatan Dalam Kehidupan Harian (Seminar On Measurements In Daily Life), berlangsung di salah sebuah hotel di Gadong.

Terdahulu Yang Berhormat menjelaskan, KPSSU melalui Pusat Standard Kebangsaan pada masa ini juga sedang giat mengukuhkan infrastruktur dan konforman di Negara Brunei Darussalam dan salah satu rancangan yang telah dilaksanakan oleh KPSSU ialah pembangunan Makmal Metrologi Suhu di bawah Bahagian Standard Sukatan (Measurement Standards Division - MSD) Pusat Standard Kebangsaan yang dirasmikan pada 8 Julai 2013 sempena Sambutan Hari Metrologi Sedunia tahun lepas.

Melalui Bahagian Standard Sukatan ini, tambahnya, Pusat Standard Kebangsaan akan memainkan peranan sebagai pihak berkuasa dalam memelihara makmal di bawah Bahagian Standard Sukatan Kebangsaan yang dapat dikesan (traceable) kepada Sistem Antarabangsa iaitu International System of Units (SI).

Makmal-makmal di bawah Bahagian Standard Sukatan akan berperanan sebagai Makmal Metrologi Kebangsaan atau Makmal Sukatan Kebangsaan yang mempunyai bidang tugas bagi memastikan standard sukatan kebangsaan adalah selaras dengan Sistem Antarabangsa (SI Unit) seperti dalam perjanjian 'Metre Convention'.

Menurut Yang Berhormat, dengan adanya makmal ini akan dapat menangani isu 'Traceability' dan 'Cross Border Recognition' serta dapat mendukung standard persijilan dan pengiktirafan makmal yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi memudahkan aktiviti-aktiviti eksport serta mengukuhkan infrastruktur standard dan konfroman dalam bidang metrologi yang sangat diperlukan bagi setiap negara bagi meningkatkan aktiviti-aktiviti perdagangan, keselamatan dan perlindungan pengguna di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, ujar Yang Berhormat, perkhidmatan dari makmal ini juga akan dapat memudahkan makmal-makmal ujian di bawah agensi-agensi kerajaan dan swasta dalam menempati keperluan pengiktirafan makmal seperti 'Good Laboratory Practice - GLP, ISO/IEC 17025 dan ISO 15189' bagi mendapatkan laporan ujian yang sahih.

"Secara tidak langsung makmal ini akan dapat membantu Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) serta industri-industri dan kilang-kilang dalam menepati standard persijilan antarabangsa seperti persijilan 'Good Manufacturing Practice (GMP), Persijilan Produk, HACCP, ISO 22000, ISO 9001 dan ISO 14001," jelasnya.

Yang Berhormat berkata, pihak kementeriannya juga merancang untuk membangunkan sistem standard kebangsaan bagi makmal berkenaan serta meningkatkan kebolehpercayaan dan keyakinan pihak pelanggan dengan membangunkan sistem pengurusan makmal mengikuti standard kebangsaan iaitu ISO/IEC 17025, sistem pengurusan alam sekitar ISO 14001 dan juga sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan atau juga dikenali sebagai 'Occupational Health and Safety Management System (OHSAS)'.

Pusat Standard Kebangsaan, jelasnya juga membuat perancangan untuk menjadi ahli kepada Asia Pacific Metrology Programme (APMP) di peringkat serantau dan di peringkat antarabangsa iaitu Bureau Weights and Measures (BIPM) serta mengikuti aktiviti-aktiviti teknikal makmal suhu agar makmal tersebut memperolehi pengiktirafan sebagai Makmal Metrologi Kebangsaan yang mempunyai standard sukatan utama (primary measurements standards) setaraf dengan negara lain.

"Langkah-langkah seterusnya adalah dirancang untuk meningkatkan kapasiti makmal berkenaan bagi bidang-bidang yang lain seperti 'volume', 'mass and weight', 'pressure', 'humidity', 'length and dimension', 'force' dan lain-lainnya mengikut keutamaan dan keperluan di Negara Brunei Darussalam," ujar Yang Berhormat.

Bagi memenuhi keperluan tersebut, jelasnya, KPSSU melalui Pusat Standard Kebangsaan merancang untuk membangunkan Bangunan Makmal Metrologi Kebangsaan dan Pejabat Pusat Standard Kebangsaan yang strategik terletak di kawasan Kampung Mata-Mata, Gadong.

Peningkatan pembangunan makmal ini, kata Yang Berhormat, akan dapat mendukung dasar kerajaan dalam memastikan aktiviti-aktiviti perniagaan dan eksport bagi industri-industri serta pengusaha-pengusaha tempatan melalui Standard Sukatan Kebangsaan yang mempunyai pengiktirafan di peringkat antarabangsa.



**MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa menyampaikan ucaptama pada Seminar Mengenai Sukatan Dalam Kehidupan Harian (Seminar On Measurements In Daily Life)**

# Galak murid sentiasa membaca Al-Qur'an

Oleh: Saerah Haji Abd Ghani
Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali



**PENOLONG Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, Jabatan Adat Istiadat, Pengiran Dr. Hidop bin Pengiran Haji Samsuddin (tiga dari kiri) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Qur'an bagi Sekolah Ugama Haji Mohd. Jaafar Maun, Kiulap.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 Ogos. - Sekolah Ugama Haji Mohd. Jaafar Maun, Kiulap buat julungkalinya mengadakan Majlis Khatam Al-Qur'an bagi Tahun 1434H/2013M berlangsung di Dewan Mahkamah Syariah, di sini.

Majlis Khatam Al-Qur'an berkenaan akan menggalakkan murid-murid sentiasa membaca Al-Qur'an dengan baik dengan lancar, di samping murid-murid dapat mengkhatamkan Al-Qur'an sebelum mereka
menamatkan Darjah VI di persekolahan agama.

Seramai 19 murid Darjah VI menyertai majlis berkenaan yang terdiri dari lima murid lelaki dan 14 murid perempuan.

Penolong Yang Di-Pertua, Jabatan Adat Istiadat Negara, Yang Mulia Pengiran Dr. Hidop bin Pengiran Haji Samsuddin hadir selaku tetamu kehormat.

Majlis didahului dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat diikuti dengan bacaan Surah Adh Dhuhaa hingga Surah Al-Lahab oleh para peserta khatam dan seterusnya bacaan takhtim oleh pelajar-pelajar perempuan sekolah berkenaan.

Doa Khatam Al-Qur'an telah dibacakan oleh Awang Mohammad Yassin bin Haji Anuar yang diikuti persembahan Dikir Marhaban oleh pelajar-pelajar lelaki sekolah tersebut.

Tetamu kehormat menyampaikan sijil-sijil kepada para peserta khatam yang diraikan.

# 'Sebumbung Warna Warni di Hari Raya' meriah

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 Ogos. - Kemeriahan bulan Syawal yang sudah memasuki minggu ketiga maseh dirasakan dan terus disambut oleh pelbagai pihak di negara ini.

Sehubungan itu, Jabatan Kerja Raya (JKR) turut mengungkayahkan Majlis Sambutan Hari Raya 'Sebumbung Warna Warni di Hari Raya' bagi Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang berlangsung di Ibu Pejabat JKR, Berakas, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman.

Anak-anak yatim warga Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya seramai 134 orang juga diraikan yang mana Yang Berhormat Menteri Pembangunan bersama-sama Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan beramah mesra bersama anak-anak yatim yang hadir.

Majlis diadakan bertujuan bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan, di samping meraikan sambutan Hari Raya warga Kementerian Pembangunan bersama dengan anak-anak yatim.

Juga hadir, Setiausaha Tetap (Teknikal dan Profesional), Dato Paduka Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Awang Haji Muhammad Lutfi bin Abdullah; Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Eddie bin Dato Paduka Haji Sunny; Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Ketua-Ketua Jabatan; Timbalan Ketua Jabatan; Pegawai-Pegawai Kanan dan pegawai serta kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis diserikan dengan persembahan nyanyian artis tempatan, Fakrul Razi di samping para hadirin bergembira menikmati beraneka juadah makanan dan minuman yang telah disediakan.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman dan Datin beramah mesra bersama sebahagian anak-anak yatim Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan dibawahnya.



DEKAN Akademi Pengajian Brunei, UBD, Profesor Madya Ampuan Doktor Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah menyampaikan sumbangan derma BND750 bagi Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong yang diterima oleh Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah.

# Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong terima sumbangan

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abd. Karim

**TEMBURONG**, Sabtu, 24 Ogos. - Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong menerima sumbangan derma berjumlah BND750 dari Universiti Brunei Darussalam pada majlis yang berlangsung di Dewan Muafakat, Bangunan Jabatan-Jabatan Kerajaan Daerah Temburong, Pekan Bangar di sini.

Sumbangan derma tersebut diserahkan oleh Dekan Akademi Pengajian Brunei, UBD, Profesor Madya Ampuan Doktor Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah kepada Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah dan seterusnya diserahkan kepada Pengerusi Tabung Anak-Anak Yatim Daerah Temburong Sesi 2013-2015, Awang Suhara Fadzali bin Haji Yusop.

Antara yang hadir di majlis itu, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad.

Dengan adanya sumbangan derma sedemikian diharap akan dapat membantu meringankan beban perbelanjaan harian anak-anak yatim yang menerima sumbangan dari tabung itu nanti manakala anak-anak yatim tersebut pula diharap akan dapat berhemat dalam membelanjakan setiap sumbangan yang dihulurkan kepada mereka.

# Ramah Mesra Hari Raya eratkan perpaduan kejiranan



TETAMU kehormat menyempurnakan sumbangan derma kepada penduduk kampung.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**MUKIM KOTA BATU,** Sabtu, 24 Ogos. - Majlis Sambutan Hari Raya dapat menggabungkan penduduk-penduduk kampung dari kalangan warga emas, golongan belia, kanak-kanak, anak-anak yatim dan termasuk mereka yang kurang berkemampuan bagi sama-sama merasakan kemeriahan suasana Hari Raya .

Sehubungan dengan itu, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Pelambayan mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri 1434H/2013M bertempat di rumah kediaman Ketua Kampung Pelambayan, Awang Haji Hanipah bin BPUK Haji Junit, juga selaku Pengerusi majlis.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Awang Haji Ismail bin Haji Abd. Manaf.

Pada majlis tersebut juga diadakan penyampaian sumbangan derma yang disumbangkan oleh Sunny Chai kepada sebelas orang anak-anak yatim yang menetap di kampung tersebut sementara 16 orang balu dan enam bagi Orang Berkeperluan Khas (OBK) telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis tersebut merupakan salah satu acara kemasyarakatan tahunan yang dilaksanakan dan diungkayahkan oleh MPK Pelambayan yang sentiasa mendapat perhatian dan penyertaan penduduk kampung berkenaan.

Selain itu, ianya juga bertujuan untuk memeriahkan lagi suasana sambutan Hari Raya, di samping mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan dan perpaduan kejiranan dalam kalangan penduduk kampung.

Hadir sama memeriahkan lagi majlis tersebut ialah ketua-ketua kampung di bawah Mukim Kota Batu, Ahli-ahli Jawatankuasa MPK serta penduduk-penduduk kampung dan para jemputan khas.

# Warga JPMC dan Gleneagles kongsi kemeriahan Aidilfitri

Oleh :
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

**JERUDONG,** Sabtu, 24 Ogos. - Lebih 100 warga Pusat (JPMC) dan Gleneagles terdiri daripada pegawai dan kakitangan berserta ahli keluarga dan sahabat menghadiri sambutan Rumah Terbuka Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2013 anjuran pusat berkenaan yang berlangsung di Restoran Tarindak D'Polo, Jerudong Park dan Country Club, di sini.

Majlis tersebut diadakan bertujuan bagi berkongsi pengalaman dan kemeriahan, di samping memupuk persefahaman dalam kalangan rakan-rakan kakitangan JPMC dan Gleneagles.

Pusat Perubatan Jerudong Park dan Gleneagles telah ditubuhkan pada 15 Julai 2002 dan seterusnya memulakan operasinya pada bulan Ogos tahun yang sama.

Pusat berkenaan menyasarkan untuk menjadi sebuah pusat cemerlang di rantau ini dengan mengekalkan reputasi dan piawaian yang tinggi dalam memberikan perkhidmatan kepada para pelanggannya.



SEBAHAGIAN daripada pegawai dan kakitangan yang menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2013 berkenaan.

# 200 kanak-kanak istimewa diraikan



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menyampaikan sumbangan kepada warga kanak-kanak dari Pusat Perkembangan Kanak-Kanak yang diraikan pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri tersebut.

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 22 Ogos. - Lebih 200 kanak-kanak istimewa berserta para ibu bapa masing-masing, menghadiri Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Pusat Perkembangan Kanak-Kanak yang diadakan di Dewan Sumbangsih Bahagia Beribi, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof dan Datin.

Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Kapitan Lela Diraja Dato Paduka Goh King Chin yang juga Pengurus Syarikat Goh Hock Kee Motors Sendirian Berhad; Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Norlila binti Dato Paduka Haji Abdul Jalil; Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional dan Teknikal / Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Kesihatan, ketua-ketua pengarah dan pengarah-pengarah serta para pegawai kanan.

Ketua Pusat Perkembangan Kanak-Kanak, Dr. Hajah Mawarni binti Haji Abdul Hamid semasa berucap selaku Pengerusi majlis tersebut antara lain menjelaskan, majlis tersebut bertujuan untuk meningkatkan dan mengeratkan lagi silaturahim di antara para pegawai dan kakitangan Pusat Perkembangan Kanak- Kanak (PPKK) bersama kanak-kanak yang kurang upaya dan berkeperluan khas berserta ibu bapa dan penjaga mereka.

PPKK, jelasnya juga, mengambil sukut baik sambutan tersebut untuk merapatkan lagi hubungan baik bersama organisasi lain seperti Unit Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan, Jabatan Pembangunan Masyarakat termasuk organisasi bukan kerajaan seperti SMARTER, Pusat Ehsan dan ABLE.

Pada majlis tersebut, Menteri Kesihatan dan Datin juga menyampaikan sampul hijau duit raya kepada kanak-kanak istimewa yang hadir.

Majlis diserikan dengan pelbagai hiburan dan persembahan nyanyian daripada kanak-kanak dan guru-guru dari pusat tersebut termasuk beberapa cabutan bertuah sambil menikmati hidangan makanan Hari Raya.

PPKK ditubuhkan pada tahun 1999 adalah unit di bawah Kementerian Kesihatan dengan fungsi utamanya untuk memberi perkhidmatan, penilaian dan pengurusan kanak-kanak yang berkeperluan khas.

Ahli-ahli profesional di PPKK memberi penilaian, pemantauan perubatan, terapi dan sokongan untuk kanak-kanak ini dan keluarga mereka.

PPKK menerima sejumlah besar rujukan bagi kanak-kanak yang berkeperluan khusus, mulai daripada masalah pembelajaran kepada keperluan perubatan yang lebih kompleks.

Majlis Sambutan Hari Raya tersebut dihasratkan boleh meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai situasi kanak-kanak istimewa di Negara Brunei Darussalam.

Dalam pada itu, PPKK dengan berbesar hati juga menerima pelawat dan sukarelawan yang ingin mendapatkan pengalaman bekerja dengan kanak-kanak berkeperluan khas di pusat tersebut.

Sokongan dan kesedaran daripada masyarakat boleh membantu PPKK meningkatkan lagi tahap perkhidmatan supaya dapat membantu ramai lagi kanak-kanak istimewa dengan keluarga mereka.

# Aktiviti konsep baru meriahkan sambutan Aidilfitri

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**

**MENTIRI**, Ahad, 25 Ogos. - Warga Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya, memeriahkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan konsep-konsep yang baru diperkenalkan bagi mewujudkan suasana sambutan yang berlainan daripada tahun-tahun sebelumnya.

Majlis dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti cabutan bertuah, sesi berbalas pantun termasuk beberapa pertandingan antaranya memakai tudung *scarf,* melilit serban, menganyam ketupat dan memakai sinjang.

Sementara itu, penyediaan jamuan disediakan oleh stesen jamuan berbanding tahun sebelumnya melalui stesen rumah jabatan masing-masing.

Pada tahun ini juga, susunan meja-meja jamuan dikhususkan secara kumpulan mengikut bidang tugas dalam setiap jabatan seperti kewangan sebagai satu kaedah untuk menjalinkan hubungan baru, di samping mengeratkan lagi silaturahim yang sedia ada di antara pegawai dan kakitangan Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar dan Datin.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan, Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohd. Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap, Awang Haji Idris bin Haji Md. Ali, pengarah-pengarah, ketua- ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai serta kakitangan di Kementerian Perhubungan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang acara pertandingan.



MENTERI Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar semasa hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Kementerian Perhubungan.

# Ramah Mesra Aidilfitri eratkan perpaduan bersama saudara baru

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 25 Ogos. - Salah satu cara merealisasikan Islam ke dalam kehidupan saudara-saudara baru secara berperingkat termasuk mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya.

Bahagian Pengislaman dan Pemuliharaan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Bebuloh mengadakan majlis seumpamanya bagi tahun 1434 Hijriah/2013 Masihi.

Majlis Ramah Mesra ini merupakan aktiviti tahunan Bahagian Pengislaman dan Pemuliharaan Muallaf, PDI dalam memberi peluang kepada saudara-saudara agar dapat menikmati hari-hari kebesaran Islam.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Rumah Kegiatan Ugama, Kampung Bebuloh, di sini ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar.

Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Awang Haji Jumat bin Akim, pegawai-pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Ketua Kampung Bebuloh, Awang Haji Mohd. Said bin Tundak.

Acara dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Qur'an oleh Awang Mohd. Abd. Hafiz bin Mohd. Hishamuddin yang berasal dari Kampung Batang Mitus.

Majlis juga diserikan dengan persembahan serta cabutan angka bertuah dan penyampaian cenderamata bagi 50 saudara baru yang disampaikan oleh tetamu kehormat.

Tujuan utama majlis ialah bagi mengeratkan lagi silaturahim di antara saudara-saudara baru dengan warga KHEU, di samping membina perpaduan di antara saudara-saudara baru dengan warga PDI dan penduduk Kampung Bebuloh.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk menjadikan rumah kegiatan agama ini sentiasa disemarakkan dengan majlis-majlis keagamaan.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar hadir selaku tetamu kehormat majlis pada Majlis Ramah Mesra Hari Raya berlangsung di Masjid Kampung Bebuloh.

# Ramah Mesra Aidilfitri eratkan silaturahim bersama saudara baru

**Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim**
**Foto : Ah Chua**

**TEMBURONG**, Khamis, 22 Ogos. - Sambutan Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri bersama saudara-saudara baru diharap akan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim bersama saudara-saudara baru di negara ini.

Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof bersama para pegawai dan kakitangan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong dan saudara-saudara baru Daerah Temburong telah diadakan di Pos Da'wah Kampung Selapon, Mukim Batu Apoi, di sini.

Sambutan seumpamanya diharap akan dapat menerapkan nilai kesefahaman melalui kerjasama, bersatu padu, bantu-membantu, tolong-menolong, ziarah-menziarahi serta bermaaf-maafan dan seterusnya mewujudkan hubungan kekeluargaan yang erat.

Semasa sambutan itu Awang Haji Abdul Aziz berserta rombongan berpeluang beramah mesra bersama para pegawai dan kakitangan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Temburong dan saudara-saudara baru di daerah ini, selain mendengarkan permasalahan dan keluhan saudara-saudara baru tersebut sekiranya menghadapi sebarang kesukaran hidup.

Antara yang hadir memeriahkan lagi sambutan tersebut ialah Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan pengislaman Kunjan anak Nanggang, berusia 50 tahun, yang memilih nama Islamnya sebagai Dayang Nur Izyan Aziyah binti Abdullah Nanggang, seorang wanita berbangsa Bisaya.

Juga memeluk agama Islam ialah anak lelakinya, Isham bin Ajak, 13, yang memilih nama Islamnya sebagai Awang Muhammad Hisyam Rahman bin Abdul Razzaq.

Majlis Pengislaman yang disempurnakan oleh para pegawai dari Unit Da'wah Daerah Temburong itu diserikan dengan Dikir Marhaban dan Tausyeh.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Mohd. Yussof serta Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Haji Abdul Hamid bin Dato Paduka Haji Abdullah beramah mesra dan bersalam-salaman dengan sebahagian dari saudara baru yang hadir.

# Sambutan Aidilfitri kukuhkan persefahaman ahli WI

**Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim**

**TEMBURONG**, Ahad, 25 Ogos. - Kesempatan meraikan Hari Raya Aidilfitri sepanjang bulan Syawal digunakan sebaiknya oleh pelbagai pihak baik individu, sektor kerajaan dan bukan kerajaan mahupun pertubuhan-pertubuhan awam bagi mengeratkan lagi silaturahim sesama umat Islam.

Antara yang mengadakan sambutan seumpamanya hari ini ialah Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Cawangan Daerah Temburong, bertempat di Dewan Kemasyarakatan Mukim Bokok, Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Mukim Bokok, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah isteri Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Dayang Hajah Fauziah binti Haji Mohd. Hassan.

Majlis yang juga dihadiri oleh Yang Di-Pertua WI Negara Brunei Darussalam, Dayang Hajah Marhani binti Abdul Latif serta ahli-ahli WI dari seluruh negara itu diserikan dengan persembahan nyanyian dan tarian daripada ahli-ahli WI dari keempat-empat daerah.

Selain memberi kesempatan kepada ahli-ahli dari daerah lain untuk berkunjung ke Daerah Temburong, sambutan Hari Raya Aidilfitri tahun ini juga memberi peluang kepada ahli-ahli pertubuhan tersebut untuk mengeratkan persahabatan di kalangan ahli WI di seluruh negara dan menandakan wujudnya perpaduan di antara ahli pertubuhan berkenaan.

Di samping itu dengan adanya sambutan seumpamanya akan memberi peluang kepada ahli-ahli WI untuk meningkatkan lagi nilai-nilai hidup bermasyarakat serta berpersatuan, selain menambahkan lagi kemesraan serta saling kenal-mengenali sesama ahli dari keempat-empat daerah.



SAMBUTAN Hari Raya Aidilfitri Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (W.I.) menandakan wujudnya perpaduan di antara ahli pertubuhan berkenaan.

# DST raikan kanak-kanak berkeperluan khas

**Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli**

**KUALA BELAIT**, Jumaat, 23 Ogos. - Ihsan Kasih DST meneruskan lagi suasana kegembiraan dalam bulan Syawal dengan menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya bagi 400 kanak-kanak berkeperluan khas Daerah Tutong dan Belait.

Di Daerah Belait, kira-kira 250 kanak-kanak bersama keluarga dan ahli warga Pusat Bahagia Eric Goh, KACA, Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dan SMARTER diundang dalam majlis yang diadakan di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, di sini.

Hadir mengetuai rombongan ialah Pengurus Am, Kumpulan Kewangan DST, Puan Cheng Siok Tuan. Majlis dimulai dengan bacaan Surah Al Faatihah diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh wakil-wakil daripada pusat kanak-kanak berkeperluan khas.

Acara kemuncak majlis ialah penyampaian sampul surat hijau dan cenderahati daripada DST kepada kanak-kanak yang diraikan yang disampaikan oleh Pengurus Kanan DST.

Sambutan Hari Raya bagi kanak-kanak berkeperluan khas merupakan salah satu daripada empat bahagian program tanggungjawab sosial korporat DST di bawah 'Ihsan Kasih' yang merangkumi tema untuk melakukan perkara yang indah demi cinta termasuk kerja-kerja sukarelawan, kebajikan anak-anak yatim dan kerja-kerja kebajikan tahunan dalam bulan Ramadan.

Majlis bertujuan bagi berkongsi pengalaman yang meriah, di samping memupuk persefahaman yang lebih baik dalam kalangan rakan-rakan kakitangan DST, ibu bapa dan kanak-kanak serta wakil-wakil daripada setiap pusat kanak-kanak berkeperluan khas.

Syarikat DST ditubuhkan pada tahun 1995 dan menyediakan perkhidmatan telefon mudah alih, perkhidmatan jalur lebar di rumah dan mudah alih, multimedia, pembayaran perkhidmatan integrasi sistem, TV dan radio selama lebih 18 tahun kepada lebih daripada 400,000 pelanggan di seluruh negara.



KANAK-KANAK berkeperluan khas gembira menerima cenderahati Hari Raya sumbangan DST.

# 'Majlis Takbir Syawal' raikan para pelanggan BIBD

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Haji Masamaleh Haji Mohd. Ali**

**JERUDONG**, Jumaat, 23 Ogos. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), petang tadi mengadakan sambutan 'Majlis Takbir Syawal' bagi pelanggan-pelanggan setia dan rakan kongsi bank tersebut sebagai acara tahunan setiap kali kedatangan Hari Raya Aidilfitri.

Para pelanggan dan rakan kongsi BIBD, terdiri daripada sektor kerajaan, pengusaha kecil dan sederhana serta persendirian pada majlis tersebut berpeluang beramah mesra bersama pegawai dan kakitangan BIBD daripada pelbagai jabatan dan bahagian.

Di samping menikmati beraneka jenis juadah, para pelanggan turut dihiburkan dengan persembahan hiburan dan nyanyian.

Hadir pada majlis yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di Jerudong itu ialah ahli-ahli lembaga pengarah BIBD, badan-badan penasihat syariah termasuk para pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Juga hadir ialah Pengarah Urusan BIBD, Javed Ahmed serta pegawai-pegawai dan kakitangan BIBD.



PARA pelanggan BIBD menikmati jamuan semasa diraikan pada 'Majlis Takbir Syawal' di sebuah hotel terkemuka di Jerudong.

# Pupuk kefahaman tentang Islam dalam kalangan pelajar

**Berita dan foto : Aryentty Haji Ariffin**





**TUTONG**, Selasa, 20 Ogos. - Seramai 700 pelajar mengikuti Program Keagamaan Senegara (PKS) Jabatan Pengajian Islam (JPI) yang dihasratkan untuk menanam dan memupuk kefahaman tentang agama Islam.

Program yang berlangsung di Mahad Islam Brunei dan Sekolah Ugama Penanjong Tutong itu juga serentak diadakan di sekolah-sekolah agama dan Arab seluruh negara.

Objektif program itu antara lain juga bertujuan menanamkan roh keagamaan dan kebiasaan mengamalkan ajaran-ajaran Islam kepada setiap kanak-kanak dan masyarakat umum, di samping mendukung usaha menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

Ia juga bertujuan untuk merealisasikan Rancangan Strategik JPI 2010-2014, iaitu meningkatkan peratus pelajar yang mengikuti aktiviti kokurikulum di sekolah agama dan Arab, meningkatkan keberkesanan program kokurikulum, ke arah melahirkan akidah yang kukuh dan akhlak yang mulia melalui program pendidikan kokurikulum, melibatkan semua guru dalam program kokurikulum dan melibatkan penyertaan semua pelajar dalam kokurikulum sekolah agama dan Arab mengikut program penghayatan beragama.

PKS diadakan sekali dalam setiap bulan pada tarikh yang ditetapkan di setiap sekolah agama dan Arab seluruh negara sama ada di dewan sekolah dan di bilik darjah dipimpin oleh guru masing-masing.

Pengisian program pada hari ini ialah Tazkirah, Surah Al Faatihah, selawat-selawat nabi dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Manakala di sebelah petang pula program yang sama disertai 274 murid Darjah Pra hingga 6 Sekolah Ugama Penanjong Tutong.

Hadir pada majlis tersebut ialah pengetua dan tenaga pengajar sekolah masing-masing serta pegawai-pegawai JPI Daerah Tutong.

**ANTARA yang hadir di majlis program keagamaan senegara di Dewan Besar Mahad Islam Brunei.**

**SERAMAI 274 murid Darjah Pra hingga 6 Sekolah Ugama Penanjong Tutong.**



# Puasa enam miliki fadilat sangat besar

**Berita dan foto : Hezlinawati Haji Abd Karim**



**IMAM Masjid Kampung Selangan, Imam Haji Mohd Yusof bin Haji Ahad.**

**TEMBURONG**, Rabu, 21 Ogos. - Puasa sunat enam iaitu puasa sunat enam hari di bulan Syawal antara amalan sunat yang menjadi rebutan umat Islam di bulan Syawal.

Imam Masjid Kampung Selangan, Imam Haji Mohd. Yusof bin Haji Ahad berkata puasa sunat tersebut adalah khusus untuk orang yang berpuasa penuh sebulan pada bulan Ramadan di mana puasa sunat enam itu mempunyai fadilat dan ganjaran yang sangat besar.

Beliau menambah hukum seseorang yang berpuasa enam sedangkan orang itu masih mempunyai puasa qada kerana tertinggal puasanya pada bulan Ramadan atas sebab keuzuran yang diharuskan oleh syara'

"Para ulama berpendapat bahawa haram hukumnya seseorang itu berpuasa sunat enam melainkan setelah habis mengerjakan qada puasa yang ditinggalkannya," jelasnya.

Bagaimanapun mengerjakan puasa sunat enam dibolehkan selagi di bulan Syawal dan sudah menghabiskan qada puasanya yang tertinggal itu.

Ketika menerangkan mengenai sah atau tidak puasa orang yang qada puasa Ramadan disatukan dengan puasa sunat enam hari pada bulan Syawal, Imam Haji Mohd. Yusof menjelaskan para ulama bercanggah pendapat di mana ada segelintir ulama mengatakan sah dan ada yang mengatakan tidak sah serta ada ulama juga yang mengatakan sah hanya puasa sunatnya dan hutang puasanya belum gugur.

Namun demikian, beliau seterusnya berkata seorang ulama besar Mazhab Shafie berfatwa bahawa gugur baginya hutang puasa dan kalau dia berniat juga sunat Syawal maka baginya pahala sunat tersebut.

"Dengan hal ini dapatlah kita mengambil kesimpulan bahawa bagi orang yang meninggalkan puasanya kerana uzur syari'e, maka bolehlah ia melakukan qada puasa bulan Ramadan sekaligus dengan puasa enam di bulan Syawal dengan syarat hendaklah berniat bagi kedua-duanya sekali, dengan mendapat ganjaran puasa qada dan ganjaran puasa sunat," jelasnya.

Namun ujarnya lagi, adalah perlu difahami bahawa para ulama menyatakan adapun ganjaran yang bakal diterima bagi mereka yang menyatukan puasa qada dengan puasa sunat enam adalah tidak sama dengan ganjaran pahala yang diterima oleh mereka yang berpuasa enam setelah mereka berpuasa sebulan penuh dalam bulan Ramadan.

# Didik pelajar banyakkan selawat

**Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli**



**PROGRAM dimulakan dengan penyampaian tazkirah oleh Awang Shahriful Rizal bin Metali/Matali.**

**KUALA BELAIT**, Selasa, 20 Ogos. - Program keagamaan senegara yang diadakan serentak seluruh negara melibatkan semua sekolah agama dan sekolah Arab dengan tumpuan sekolah dan perisian-perisian berbeza setiap bulan.

Pada bulan ini perisian program merangkumi tazkirah, bacaan Surah Al Faatihah, Selawat-selawat Nabi dan diakhiri dengan bacaan doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Tumpuan utama program yang diadakan hari ini bagi Daerah Belait ialah di Sekolah Ugama (Bangunan Sekolah Menengah) Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, di sini.

Program dimulakan dengan penyampaian tazkirah kepada 131 murid-murid Darjah VI oleh Awang Shahriful Rizal bin Metali/Matali yang antara lain menerangkan pengertian selawat, anjuran berselawat, beberapa selawat dan kelebihan selawat seperti selawat 'Al-Munjiyat', selawat 'At-Tafrijiyyah', selawat 'Asy-Syifaa' dan selawat 'Al-Fatih', berlangsung di surau sekolah berkenaan.

Sementara itu sejumlah hampir 300 orang murid Darjah I dan V mengadakan program tersebut di dalam kelas yang dipimpin oleh guru kelas masing-masing.

Dalam tazkirahnya, Awang Shahriful Rizal berkata selawat dengan niat ikhlas kerana Allah adalah doa yang merupakan sanjungan kepada kebesaran Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar Baginda selalu mendapat limpahan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Beliau juga menerangkan antara kelebihan berselawat seperti yang dinyatakan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, sabda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang kira-kira bermaksud; "Sesiapa berselawat kepadaku satu kali, maka Allah menurunkan rahmat kepadanya sepuluh kali."

Sementara hadis riwayat At-Tirmidzi dan Ibnu Hibban dalam sahihnya jelasnya juga ada menyebutkan tentang kelebihan berselawat yang kira-kira bermaksud, "Sesungguhnya orang yang lebih utama denganku pada Hari Kiamat adalah orang yang paling banyak berselawat kepadaku."

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al Faatihah dipimpin oleh Awang Haddy Haffizal bin Haji Mohd. Idris dan diteruskan dengan selawat 'Al-Munjiyat', selawat 'At-Tafrijiyyah', selawat 'Asy-Syifaa' dan selawat 'Al-Fatih' beramai-ramai serta disusuli dengan bacaan doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Awang Haddy Haffizal bin Haji Mohd. Idris.

Perlaksanaan program tersebut dipantau oleh serombongan pegawai dari Jabatan Pengajian Islam (JPI) Daerah Belait terdiri daripada Pegawai JPI Daerah Belait, Awang Yahya bin Haji Said; Pembantu Pegawai JPI, Dayang Hazalina binti Dhalan dan Pegawai Kenaziran Daerah Belait, Pengiran Adiyura bin Pengiran Haji Mohammed serta Guru Besar sekolah tersebut, Dayang Hajah Rokiah binti Haji Awang Taha.

Program bulanan ini dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan tujuan untuk merealisasikan Rancangan Strategik JPI 2010-2014 bagi meningkatkan peratus pelajar yang mengikuti aktiviti kokurikulum di sekolah agama dan Arab ke arah melahirkan akidah yang kukuh dan akhlak yang mulia melalui program pendidikan kokurikulum.

Selain itu program juga dihasratkan untuk menyahut hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah Negara Zikir yang menjadi imej sebuah negara yang menjunjung tinggi ajaran-ajaran agama Islam dan menjadikan ajaran Islam sebagai panduan dan amalan dalam seluruh aspek kehidupan, agar nikmat, kerahmatan dan keberkatan akan sentiasa mengiringi dan melindungi negara.

Program tersebut pertama kali diadakan pada bulan Januari lepas di Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Kuala Belait, diikuti bulan Mac di Sekolah Ugama Pengiran Setia Jaya Abdul Momin, Pandan dan bulan April di Sekolah Ugama Sungai Taring, diikuti di Sekolah Ugama Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dan seterusnya di Sekolah Ugama Sungai Liang.

Matlamat program ialah untuk melahirkan masyarakat yang berpendidikan agama dan beramal menurut Al-Qur'an.





**MURID-MURID perempuan dan lelaki Darjah VI yang mengikuti Program keagamaan senegara yang merangkumi tazkirah, bacaan surah Al Faatihah, Selawat-selawat Nabi dan diakhiri dengan bacaan doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.**

# Rapatkan silaturahim, kukuhkan perpaduan


MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof menyampaikan *hamper* kepada warga emas (mantan pegawai dan kakitangan Hospital Suri Seri Begawan (HSSB), Kuala Belait.

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

**KUALA BELAIT,** Sabtu, 24 Ogos. - Meskipun Hari Raya Aidilfitri telah berlalu lebih dua minggu namun kemeriahannya masih lagi dirasakan dengan sambutan Hari Raya diadakan di sana sini.

Hospital Suri Seri Begawan (HSSB), Kuala Belait telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1434H / 2013M bersama Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd. Yusof dan isteri, Datin Paduka Dayang Hajah Salmah binti Haji Abu Hanafiah berserta warga emas yang terdiri daripada mantan pegawai dan kakitangan hospital tersebut.

Seramai 10 orang mantan pegawai dan kakitangan hospital tersebut yang telah bersara menerima hamper sebagai penghargaan kepada mereka di atas sumbangan yang telah mereka berikan sepanjang berkhidmat yang disampaikan oleh tetamu kehormat di majlis yang diadakan di Dewan Serbaguna hospital berkenaan, di sini.

Pengerusi majlis, Ketua Unit Kualiti, Dayang Hajijah binti Awang Abdul Harris, berharap majlis tersebut akan dapat merapatkan lagi silaturahim, di samping mewujudkan semangat kekeluargaan dan mengukuhkan perpaduan sesama warga hospital dan Kementerian Kesihatan serta bermaaf-maafan dan mengukuhkan lagi persahabatan yang sedia terjalin.

Beliau menambah, walaupun semangat kekeluargaan di tempat kerja tidak setebal pertalian keluarga sendiri, ia tidak kurang pentingnya dalam menentukan keharmonian sesebuah organisasi.

"Walaupun kita bertugas dengan pelbagai bangsa, kita seharusnya mengamalkan sikap muafakat dan bekerjasama di antara satu sama lain dan seterusnya membawa kepada kebaikan bersama," ungkap beliau.

Beliau seterusnya berikrar bahawa warga hospital perubatan dan kesihatan Daerah Belait akan terus meningkatkan usaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai dan masyarakat di daerah ini.

Majlis diserikan dengan persembahan nyanyian oleh ahli jawatankuasa majlis. Pada majlis tersebut Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga telah menerima cenderamata berupa foto kenang-kenangan Hari Raya Aidilfitri bersama Kanak-kanak Berkeperluan Khas yang telah diadakan baru-baru ini.

Turut hadir di majlis tersebut ahli lembaga pelawat hospital dan ahli kumpulan sokongan hospital terdiri daripada Kumpulan Kesihatan Teraja, Kumpulan Kesihatan Pendorong Penyusuan Susu Ibu (HAWA) dan Kumpulan Kesihatan (PENYULUH).

# HoB kukuhkan komitmen

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 21 Ogos. - Isu-isu kontroversi yang memerlukan komitmen politik serta yang berkaitan antara yang akan dibincangkan pada Mesyuarat Khas Peringkat Tinggi Menteri-Menteri Pusat Nadi Borneo (HoB) yang akan diadakan pada 7 September nanti di Empire Hotel and Country Club.

Mesyuarat tersebut merupakan bagi memperingati lima tahun kerjasama sejak menandatangani deklarasi HoB pada 12 Februari 2007 dan kini sudah tiba masanya bagi Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Malaysia untuk mengetengahkan dan menggalakkan kejayaan yang ketara dan pencapaian dalam Inisiatif HoB serta menyediakan panduan strategik untuk bergerak ke hadapan.

Mesyuarat di jangka akan dihadiri oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awang Haji Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar selaku Pengerusi mesyuarat; Menteri Perhutanan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Zulkifli Hasan dan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia, Tuan Yang Terutama Datuk Seri G. Palanivel.

Objektif utama mesyuarat berkenaan adalah bagi mengesahkan deklarasi HoB khususnya mengenai kemajuan pelaksanaan Inisiatif HoB di tiga negara berkenaan serta meningkatkan kerjasama di dalam menyediakan panduan strategik dan menyokong kedudukan yang sama untuk bergerak ke hadapan dalam pelaksanaan Inisiatif HoB.

Sementara itu, Mesyuarat Tiga Hala HoB Ke-7 akan diadakan pada 4 hingga 5 September 2013 yang mana mesyuarat tersebut akan memberi tumpuan kepada penyediaan mesyuarat peringkat menteri dalam bidang logistik dan agenda substantif seperti pameran kemajuan negeri bagi setiap negara, lima tahun kajian dan laporan serta kenyataan menteri.

Inisiatif HoB adalah kerjasama sukarela merentasi sempadan bagi tujuan untuk memelihara dan menguruskan tanah tinggi dan bahagian-bahagian kaki bukit dan tanah rendah yang bertapak di sempadan Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Malaysia.

# OBK pelengkap masyarakat


MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dan isteri, Datin Dayang Hajah Rosnah binti Pehin Datu Indera Sugara Dato Seri Laila Jasa Haji Johari ketika hadir pada Majlis Hari Terbuka Pusat Bahagia Bersama Keluarga sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2013.

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 Ogos. - Menerapkan perasaan kasih sayang ke atas semua lapisan masyarakat termasuk golongan Orang Berkeperluan Khas (OBK) sangat perlu dalam usaha memupuk kesedaran berterusan dalam kalangan orang ramai.

Sehubungan itu, Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) menganjurkan Hari Terbuka Pusat Bahagia Bersama Keluarga sempena Hari Keluarga Kebangsaan 2013 berlangsung di Pusat Bahagia, Kampung Pulaie di sini, hari ini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah dan isteri, Datin Dayang Hajah Rosnah binti Pehin Datu Indera Sugara Dato Seri Laila Jasa Haji Johari hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Pada majlis itu, Yang Berhormat dan datin menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada 400 murid dan pelatih Pusat Bahagia di seluruh negara.

Majlis turut diserikan dengan persembahan-persembahan daripada murid dan pelatih Pusat Bahagia di seluruh negara diikuti dengan sesi ramah mesra bersama para murid dan pelatih serta ibu bapa dan penjaga mereka.

Majlis berkenaan membantu mengukuhkan dalam mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan dalam sesebuah keluarga yang mempunyai ahli OBK serta meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai dengan kebolehan dan keistimewaan golongan OBK.

Selain itu, majlis juga bertujuan bagi menghargai golongan OBK sebagai sebahagian serta pelengkap kepada masyarakat di negara ini dan bukannya sebagai bebanan.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman, Ketua-Ketua Jabatan, Pengarah-Pengarah di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Pegawai-Pegawai Kanan JAPEM.

# Pelbagai produk Thailand tarik minat pengguna

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 24 Ogos. - Kedutaan Diraja Thailand dengan kerjasama usahawan-usahawan dari Thailand dan Ahli-ahli Perniagaan Thai di Negara Brunei Darussalam mengalu-alukan orang ramai untuk mengunjungi 'Pameran Besar Thailand' anjuran negara berkenaan pada 21 hingga 25 Ogos 2013 lalu di Dewan BRIDEX, Jerudong, di sini.

Pameran merupakan kali kelima diadakan di negara ini sejak tahun 2009 sebagai sebahagian daripada acara Pesta Pengguna yang dianjurkan oleh Syarikat Pengiklanan Sunlit dengan kerjasama Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama serta Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Sebanyak 26 petak gerai ditempatkan pada Pesta Pengguna berkenaan yang memaparkan pelbagai jenis produk Thailand antaranya seni kraftangan, barangan kemas, barangan seisi rumah, di samping beraneka juadah makanan serta masakan pedas seperti Durian Monthong dan Mangga Nam Dok Mai boleh dinikmati oleh para pengunjung sepanjang tempoh pameran berkenaan diadakan.

Selain itu, para perwakilan Lembaga Pelancongan Thailand akan terus mengemaskinikan pakej-pakej pelancongan ke destinasi-destinasi negara berkenaan bagi orang ramai yang berminat untuk melawat Thailand pada tahun ini.

Sementara itu, Kedutaan Besar Diraja Thai juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Bangkok telah dipilih sebagai Bandar Terbaik di seluruh dunia pada tahun 2013 hasil kajian antarabangsa yang dijalankan oleh Majalah Pelancongan dan Percutian, terbitan Perbadanan Penerbitan Ekspres Amerika.

# Penglibatan sektor ICT jana ekonomi negara

Rencana dan foto Oleh : Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor

TEKNOLOGI Infokomunikasi (ICT) berperana penting dalam kehidupan kita. Dalam konteks ini Kerajaan dan sektor swasta sedang melaksanakan pelbagai usaha untuk menjadikan ICT sebagai pemangkin kemajuan negara.

Sejajar dengan aspirasi wawasan 2035 negara kita untuk mencapai kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi, negara mengambil berat akan perkembangan teknologi infokomunikasi di negara ini antaranya menjadikan keperluan maklumat tempatan dapat diperolehi oleh segenap penduduk secara efektif, sambil meningkatkan kesedaran awam mengenai dengan kepentingan mendapatkan apa jua maklumat.

Strategi e-kerajaan mengariskan penyediaan khidmat secara 'online' kepada penduduk supaya ianya efisien, selamat dan mudah untuk digunakan, dan boleh diperolehi secara 24 jam. Di samping itu, maklumat yang disediakan haruslah tepat dan kerap dikemaskini.

Menimbangkan akan pentingnya sektor ICT dan peranan mereka yang terlibat dengannya, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah telah mengenal pasti akan pengusaha, ahli persatuan, pelajar dan individu yang bergiat dalam ICT menjadi peserta Sambutan Hari Raya Aidil Fitri pada tahun ini.

Dengan berpeluang berhari raya dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam merupakan kurnia yang sangat berharga dan tinggi nilainya dan sumber inspirasi .

Demikian pandangan beberapa wakil dari Pihak Berkuasa Industri Teknolog Infokomunikasi (AITI), Ahmad Yazid bin Haji Md. Rosli dan Muhammad Najib bin Muhammad Fauzi beserta rakan-rakannya yang terpilih menghadiri Sambutan Hari Raya ini kerana para peserta yang terlibat dengan industri ICT untuk memahami dan menjunjung aspirasi Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk memangkin ICT sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara.

"Ianya juga dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara peserta-peserta dengan pihak-pihak yang berkenaan dan juga kerajaan dan sektor swasta.

Menyentuh mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang menekankan berhati-hari dalam penggunaan internet, amatlah dianjung tinggi agar ibu bapa mesti memantau anak-anak mereka dalam melayari laman sesawang agar tidak terjadi penyalahgunaan seperti unsur-unsur yang boleh merosakan akhlak perlu ditapis yang sememangnya penapisan ini memang sudah berlaku.

Sementara itu bengkel-bengkel mengenai IT perlu diperbanyakkan di setiap peringkat sekolah-sekolah rendah, menengah, universiti dan kementerian.



PENUNTUT- penuntut dari InstituteTeknologi Brunei.



AWANG Haji Alidin bin Haji Momin bersama isteri, merupakan Pemenang Pertama dalam kategori pendidikan video klip 'Raja Yang Prihatin'.



PENGIRAN Haji Sabtu Kamaluddin bin Pg Hj Mostamam.



MUHAMMAD Khairul bin Muhammad Fauzi.



AHMAD Yazid bin Hj Md Raosli.



DAYANGKU Nurul Salwani binti Pengiran Haji Sabtu Kamaludin.

Alhamdulillah, setiap tahun pelbagai usaha dijalankan untuk memajukan lagi IT di negara kita. Di harap pihak yang tertentu menyebarkan kepentingan dan penggunaan IT melalui poster-poster, iklan-iklan di media-media tempatan.

Bagi Pengiran Haji Sabtu Kamaludin bin Pengiran Haji Mostamam beserta anaknya Dayangku Nurul Salwani bergembira berpeluang berhari raya dengan termasuk pengusaha, para pelajar dan pengamal IT yang turut menyumbang dalam pembangunan teknologi iaitu dengan menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat dan penduduk negara ini.

Sementara itu turut mengongsikan kegembiraan ialah Awang Haji Alidin bin Haji Momin, iaitu Pemenang Pertama dalam kategori pendidikan video klip 'Raja Yang Prihatin' dan bersyukur memenangi peraduan yang julung-julung kali diadakan dalam mengasuh orang ramai terutama para belia aktif dalam daya cipta dalam bidang multi media bagi menghasilkan bahan media yang berguna untuk memprojekan imej Kebawah Duli Yang Maha Mulia sebagai Raja Yang Prihatin terhadap kesejahteraan dan kebahagiaan hidup rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

# Pakaian yang dilarang bagi lelaki ketika dalam *Ihram* Haji dan Umrah




***(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)***

LELAKI yang hendak melakukan *ihram* haji atau umrah, adalah sunat baginya memakai pakaian yang terdiri daripada *izar* (sehelai kain yang dipakai di bahagian bawah bagi menutup aurat) dan *rida'* (sehelai kain yang dipakai di bahagian atas sebagai selendang) yang berwarna putih serta baharu dan sunat memakai selipar.

Diriwayatkan daripada Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhuma*, bahawa seorang lelaki bertanya kepada Rasulullah *Shallallahu 'alaihissalam* mengenai pakaian ketika *ihram*, Baginda bersabda:

**Maksudnya:** *"Hendaklah kamu berihram dengan memakai izar, rida' dan sepasang selipar. Jika kamu tidak mempunyai sepasang selipar maka pakailah sepasang khuff dan potonglah keduanya sehingga menjadi keduanya di bawah tumit."* (Hadits riwayat Ahmad)

Adapun hukum sunat memakai pakaian *ihram* yang berwarna putih adalah berdasarkan kepada hadits yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

**Maksudnya:** *"Kamu pakailah daripada pakaian-pakaian kamu yang berwarna putih. Sesungguhnya ia daripada sebaik-baik pakaian kamu dan kamu jadikanlah ia kafan untuk mayat-mayat kamu."* (Hadits riwayat Abu Daud dan at-Tirmidzi)

Sementara perempuan yang hendak melakukan ihram haji atau umrah hendaklah memakai pakaian yang menutup seluruh badan melainkan muka dan dua pergelangan tangan.

***ADAPUN hukum sunat memakai pakaian ihram yang berwarna putih adalah berdasarkan kepada hadits yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas Radhiallahu 'anhuma, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda : Maksudnya : "Kamu pakailah daripada pakaian-pakaian kamu yang berwarna putih. Sesungguhnya ia daripada sebaik-baik pakaian kamu dan kamu jadikanlah ia kafan untuk mayat-mayat kamu." (Hadits riwayat Abu Daud dan at-Tirmidzi)***

**Pakaian yang dilarang ketika dalam *ihram***

Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* pernah ditanya mengenai pakaian yang perlu dipakai oleh orang yang ber*ihram* sebagaimana hadits yang diriwayatkan oleh Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhuma*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

**Maksudnya:** *"Janganlah kamu memakai baju, seluar, serban dan jubah yang bertudung kepala. Manakala seseorang yang tidak mempunyai selipar, maka pakailah sepatu (khuff) dan potonglah (khuff itu) sampai di bawah buku lali (sehingga nampak buku lali), dan janganlah kamu memakai sesuatu yang disentuhi minyak za'faran dan waras (sejenis tumbuhan yang berbau wangi), dan janganlah perempuan yang berihram memakai penutup muka (niqab) dan sarung tangan."* (Hadits riwayat al-Bukhari)

Berdasarkan jenis-jenis pakaian yang disebut dalam hadits di atas, maka para Ulama telah menetapkan bahawa lelaki yang dalam *ihram* haji atau umrah, adalah haram memakai pakaian yang berjahit, bertenun atau yang diikat. Jika seseorang lelaki yang dalam *ihram* memakai pakaian tersebut dengan tidak ada keuzuran, maka memakainya adalah berdosa dan wajib ke atasnya membayar *fidyah*.

Namun bagi perempuan yang dalam *ihram* haji atau umrah, mereka tidak dilarang memakai pakaian yang berjahit, bertenun atau yang diikat. Mereka hanya dilarang memakai penutup muka dan sarung tangan.

**Larangan memakai pakaian yang berjahit, bertenun atau yang diikat**

Larangan yang dimaksudkan dengan memakai pakaian yang berjahit, bertenun atau yang diikat itu ialah memakai pakaian yang khusus dibuat untuk menutupi keseluruhan badan atau sebahagian anggota badan sama ada dengan berjahit, bertenun atau diikat. Sama ada pakaian itu diperbuat daripada kulit, kapas, linen dan sebagainya seperti baju, seluar, serban, jubah, *khuff* dan seumpamanya.

Perkara yang diambil kira dalam larangan memakai pakaian itu ialah memakai pakaian tersebut mengikut cara kebiasaan ia dipakai seperti baju dipakai dengan menyarungkannya ke badan dan seluar dengan menyarungkannya ke bahagian kaki hingga ke pinggang. Sekiranya baju dijadikan selimut atau ia hanya dijadikan seperti *rida'* iaitu dijadikan seperti kain selendang atau baju itu diletakkan di atas badan dan apabila berdiri nescaya baju itu akan terlucut daripada badan, maka ia diharuskan kerana pemakaian yang sedemikian itu tidak dipakai mengikut cara kebiasaan ia dipakai. Demikian juga harus menjadikan seluar sebagai *izar* iaitu seluar tersebut dijadikan seperti kain yang menutupi pinggang dengan tidak menyarungkannya seperti mana kebiasaan ia dipakai.

Berbangkit dari isu di atas, maka memakai cincin, melilitkan serban dengan tidak mengikatnya, memasukkan tangan ke lengan baju yang tidak dipakai dan memasukkan hujung *rida'* ke dalam *izar* adalah juga diharuskan.

Walau bagaimanapun adalah harus memakai *izar* yang diikat kedua-dua hujung kainnya antara satu sama lain atau dibuat pada *izar* itu *hujzah* (tempat memasukkan tali seperti lubang untuk memasukkan tali pinggang) lalu dimasukkan tali atau seumpamanya di dalam *hujzah* untuk mengikat izar tersebut kerana ada maslahat dan keperluan memakainya iaitu dengan cara sedemikian supaya *izar* tersebut tidak terlucut.

Hukum mengikat *izar* agak berbeza dengan mengikat *rida'*. Adalah haram mengikat kedua-dua hujung kain *rida'* antara satu sama lain atau diikat antara kedua-dua hujung kainnya dengan sesuatu yang lain seperti benang atau disemat dengan sesuatu seperti jarum atau dikancing dengan sesuatu seperti butang dan sebagainya agar ia tidak terlucut. Larangan tersebut disebabkan tidak ada maslahat dan keperluan memakainya dengan cara sedemikian.

BERSAMBUNG

# Menjana ketulusan hati di bulan Syawal

KITA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana mengurniakan umur yang panjang dan dapat bertemu lagi di bulan Syawal Tahun 1434 Hijriah. Kita telah dapat melaksanakan ibadat puasa dan amalan-amalan yang lain serta menyambut Aidilfitri dalam suasana aman damai, ceria dan harmoni. Dengan kurniaan Allah kepada kita, mudah-mudahan kita dapat menggunakannya dengan sebaik-baiknya untuk sama-sama bertaqwa dan mengabdikan diri kepada Allah, di samping memupuk semangat persaudaraan yang teguh antara satu sama lain.

Dalam bulan Syawal ini kita digalakkan untuk saling ziarah-menziarahi dan bermaaf-maafan di antara satu sama lain bagi menjalinkan hubungan silaturahim sesama manusia. Ini kerana dengan pelaksanaan ibadat puasa serta pelbagai amalan yang lain sepanjang Ramadan yang lalu akan mendatangkan keampunan Allah atas segala dosa-dosa kita selama ini. Semoga dengan sikap bermaaf-maafan ini boleh menjernihkan dan mengeratkan hubungan kita sesama manusia kerana sambutan Aidilfitri ini bermakna kita telah kembali kepada fitrah semula jadi seolah-olah kita baru dilahirkan ke dunia ini.

Walaupun kita telah berjaya melepasi ujian yang besar di bulan Ramadan yang lalu, janganlah pula kita merasa terlalu gembira sehingga kita menjadi lalai serta leka terhadap amalan-amalan yang wajib kita laksanakan. Kita hendaklah memelihara kesempurnaan akidah dengan memastikan agar ianya tidak rosak dan tercemar dengan amalan-amalan atau akidah yang menyesatkan. Oleh itu dalam bergembira menyambut Hari Raya Aidilfitri ini, beberapa perkara utama perlu kita jaga, antaranya ialah kita janganlah sesekali hanyut dengan keseronokan sehingga kita menjadi lupa kepada tanggungjawab untuk beribadat kepada Allah seperti sembahyang fardu lima waktu dan sebagainya.

Dalam suasana menyambut Hari Raya Aidilfitri kita janganlah menurut segala hawa nafsu yang boleh menjerumuskan kita untuk melakukan perbuatan maksiat sehingga mengundang kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala. Oleh yang demikian menjaga dan memelihara kesempurnaan syariat Islam adalah sangat penting supaya syariat kita tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Kita juga dituntut untuk sentiasa memelihara kemuliaan akhlak dengan selalu mengamalkan sifat-sifat *mahmudah* dan menjauhi semua sifat-sifat *mazmumah*. Oleh itu, manfaatkanlah kesempatan sempena di bulan Syawal ini untuk merapatkan lagi hubungan silaturahim dengan sesama kaum keluarga, sanak saudara, jiran tetangga dan masyarakat seluruhnya. Mudah-mudahan dengan kemurnian akhlak menjadikan kita umat yang berkualiti dan terpuji sepanjang masa. Firman Allah di dalam Surah Asy-Syams ayat 9 - 10 yang tafsir-Nya:

*"Sesungguhnya berjayalah orang yang menyucikan jiwanya. Dan sesungguhnya rugilah orang yang mengotorinya."*

Sehubungan dengan itu, dalam kita merayakan Aidilfitri terdapat beberapa perkara yang perlu kita berikan perhatian untuk memastikan kita sentiasa dalam keredaan Allah iaitu:

• Janganlah kita cemari kemuliaan Syawal dengan aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan syara' seperti hiburan yang melalaikan, melakukan pembaziran dalam menyediakan makanan dan sebagainya.

***DALAM bulan Syawal ini kita digalakkan untuk saling ziarah-menziarahi dan bermaaf-maafan di antara satu sama lain bagi menjalinkan hubungan silaturahim sesama manusia. Ini kerana dengan pelaksanaan ibadat puasa serta pelbagai amalan yang lain sepanjang Ramadan yang lalu akan mendatangkan keampunan Allah atas segala dosa-dosa kita selama ini.***




• Kita hendaklah sentiasa berjimat cermat dengan mengatur perbelanjaan mengikut keperluan supaya kita sentiasa dalam keadaan stabil terutama untuk persiapan persekolahan anak-anak dan keperluan yang mendadak serta keperluan yang lainnya.

• Kita hendaklah sentiasa menjaga kesihatan diri dan keluarga dengan sentiasa memakan makanan yang halal, bersih dan berkhasiat.

• Kita hendaklah sentiasa menjaga keselamatan diri dan keluarga serta orang lain di sepanjang sambutan Hari Raya Aidilfitri ini bagi mengelakkan sebarang perkara yang tidak diingini berlaku, seperti kemalangan jalan raya dan sebagainya.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah ayat 195 yang tafsir-Nya:

*"Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu dengan tangan kamu sendiri ke dalam bahaya kebinasaan dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan."*

Akhirnya, semoga dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini dapat membawa dan mendekatkan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Mudahan-mudahan kita sebagai umat Islam dapat menghayati tuntutan Syawal dengan sepenuhnya dan memberi kesan yang baik dalam kehidupan kita.

# Sambutan Hari Raya Aidilfitri Yayasan SHHB penuh kemeriahan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama putera-putera dan adinda-adinda baginda berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1434 Hijriah/2013 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

**Oleh : Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad**
**Hajah Siti Zuraihah Haji Sulaiman**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor,**
**Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali,**
**Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 27 Ogos. – Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mencerminkan jalinan kemesraan dan keakraban raja yang dikasihi bersama rakyat.

Sehubungan itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1434 Hijriah/2013 Masihi anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Keberangkatan baginda dijunjung oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB serta Ahli-Ahli Jawatankuasa Majlis Sambutan tahun ini.

Berangkat sama, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.

Majlis itu dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah dan doa selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Kemudian diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar, Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Seterusnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan mengurniakan titah yang merupakan acara kemuncak bagi sambutan.

Pada majlis berkenaan mengumumkan pemenang bagi Pertandingan Klip Video 'Raja Yang Prihatin' anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1434 Hijriah/2013 Masihi yang mempertandingkan lima kategori dan kemudiannya menyaksikan tayangan klip-klip video berkenaan.

Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM dijunjung untuk mengurniakan hadiah-hadiah kepada para pemenang pertama bagi setiap kategori yang dipertandingkan.

Seramai 150 pelajar-pelajar Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (gabungan Taman Asuhan Kanak-Kanak, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah) mempamerkan persembahan yang mengagumkan dan menarik.

Bagi memeriahkan suasana sambutan Hari Raya berkenan, Kebawah DYMM berserta kerabat diraja yang lain kemudiannya berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra dengan semua peserta dan seterusnya berkenan berangkat bagi bergambar ramai bersama Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri YSHHB.

Baginda berserta kerabat diraja yang lain seterusnya berkenan berangkat melawat ke pameran-pameran teknologi info-komunikasi (ICT) dan berkenan mendengar sembah penerangan ringkas dan serterusnya berkenan menerima persambah daripada para peserta pameran oleh beberapa buah Syarikat Telekomunikasi, syarikat-syarikat ICT, sekolah/maktab serta beberapa buah syarikat/persatuan ICT yang berkaitan.

Semasa lawatan tersebut, Kebawah DYMM juga berkenan melancarkan satu produk aplikasi ICT yang dihasilkan oleh 'Media Hikmah Applications'.

Pada majlis ini memberi peluang kepada para peserta untuk beramah-mesra dengan raja yang sangat dikasihi sambil mendapat inspirasi dan perangsang kepada para peserta dalam melaksanakan peranan mereka masing-masing.

Juga berangkat dan hadir pada dalam majlis tersebut ialah Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Timbalan-Timbalan Menteri, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap serta pegawai-pegawai kerajaan dan swasta yang selama ini terlibat dalam menjayakan projek dan aktiviti YSHHB.

Majlis seumpama ini merupakan kali kesembilan dianjurkan oleh YSHHB yang mana ianya mula diadakan pada tahun 2003.

Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran YSHHB ini mengetengahkan unsur-unsur kemasyarakatan yang mana para peserta pada majlis ini adalah terdiri daripada kelompok-kelompok yang telah dikenal pasti yang berkepentingan dalam menjana kesejahteraan bersama.

Pada majlis tahun ini, seramai 1,200 peserta terdiri daripada para pengusaha, persatuan, pelajar dan individu yang bergiat dalam sektor ICT diketengahkan oleh YSHHB.











KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan hadiah-hadiah kepada pemenang pertama Pertandingan Klip Video 'Raja Yang Prihatin' (Gambar-gambar kiri atas dan bawah ).






BAGINDA berkenan bergambar ramai bersama Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri YSHHB. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Wakeel.(atas)

KEBAWAH DYMM berkenan menandatangani lembaran keberangkatan semasa berangkat menyaksikan pameran-pameran teknologi info-komunikasi (ICT). (kiri)

BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra dengan peserta yang terdiri para peserta dari beberapa buah Syarikat Telekomunikasi, syarikat-syarikat ICT, sekolah/maktab serta beberapa buah syarikat/persatuan ICT yang berkaitan. (bawah)







PERSEMBAHAN menarik dan mengagumkan dari sebahagian pelajar-pelajar Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (gabungan Taman Asuhan Kanak-Kanak, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah ) di Sambutan Hari Raya Yayasan SHHB.



BAGINDA tertarik dengan pameran salah sebuah syarikat ICT yang mempamerkan produknya sempena sambutan Hari Raya Yayasan SHHB.

IKLAN JAWATAN - JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (A) DARIPADA PERATURAN - PERATURAN PEGAWAI - PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN - LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT) AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM.

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI - PEGAWAI KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

**TARIKH IKLAN: 28 OGOS 2013. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 11 SEPTEMBER 2013. BILANGAN IKLAN:32/08/13 (SPA/BIKL)**

## PERATURAN 7 (a)

**Syarat-Syarat Am :**

a) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
b) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian Ugama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
c) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir *(shift)* atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di negara ini.
d) Cara permohonan - Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

**1. JURUTERA
JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
B.2 EB.3 ($2,270 - $4,240 SEBULAN)
B.2 ($2,270 - $3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN=20**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Kejuruteraan Awam / Kejuruteraan Mekanikal / Kejuruteraan Struktur / Kejuruteraan Bangunan / Kejuruteraan Elektrikal.
2. Menjadi Ahli Badan Ikhtisas seperti *Institution of Civil Engineers (MICE) / Institutions of Mechanical Engineers (MIEng)* atau Institusi-Institusi sebanding yang diiktiraf adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB JURUTERA:**

**JABATAN KERJA RAYA**

1. Bertanggungjawab kepada Jurutera Kerja dan Jurutera Kerja Kanan.
2. Membuat kerja-kerja Rekabentuk, Spesifikasi dan *Schedules* serta *Bill of Quantities.*
3. Melawat projek di tapak binaan dan menyediakan laporan perkembangan projek.
4. Memantau perkembangan projek-projek yang dilaksanakan.
5. Menyelaras dengan jabatan-jabatan atau konsultan bagi memastikan projek-projek berjalan dengan lancar dan baik.

**JABATAN PERKHIDMATAN MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL (DME)**

1. Mentadbir Unit Projek Pemasangan dan Pemeliharaan Elektrikal / Hawa Dingin / Lif / Mekanikal.
2. Menyediakan rekabentuk, spesifikasi tawaran dan anggaran bagi Projek Elektrik / Hawa Dingin / Lif / Mekanikal.
3. Meneliti rekabentuk yang disediakan oleh pihak konsultan.
4. Meneliti dan membuat sokongan bagi permohonan pendaftaran Pemborong Elektrik dan pengiktirafan peralatan elektrik.
5. Meneliti dan mengawas kerja-kerja projek / pemeliharaan daripada rekabentuk hingga projek tersebut terlaksana.
6. Bertanggungjawab untuk mengesahkan kerja-kerja yang dilaksanakan hendaklah mengikut spesifikasi tawaran dan peraturan kontrak yang ditetapkan.
7. Memproses dan mengesahkan pembayaran projek.
8. Menghadiri mesyuarat projek dan mesyuarat yang diarahkan oleh Ketua Jabatan.

**2. PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM
KEMENTERIAN KESIHATAN
B.2 EB.3 ($2,270 - $4,240 SEBULAN) ATAU
B.2 ($2,270 - $3,760 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGAGAJI B.2 EB.3:**
   Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perhubungan Awam / Komunikasi Massa atau bidang bersesuaian.
   **b) TANGGAGAJI B.2:**
   i) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Perhubungan Awam / Komunikasi Massa atau bidang bersesuaian serta sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
   **ATAU**
   ii) Sedang berkhidmat dengan Kerajaan sebagai Penolong Pegawai Perhubungan Awam Tingkat I atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Fasih bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta lulus dengan Kepujian / Kredit mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam peperiksaan Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau sebanding.
3. Mahir dalam menggunakan teknologi maklumat (IT) dan komputer.
4. Mempunyai perwatakan, kualiti dan kaliber yang bersesuaian.
5. Boleh menghadapi orang ramai, wartawan dan media massa.
6. Fasih bertutur dalam bahasa lain adalah kelebihan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PERHUBUNGAN AWAM:**

**SECARA UMUM:**

1. Menjadi jurucakap rasmi/sanggamara.
2. Meningkatkan dan mempertahankan imej organisasi.
3. Menyalur maklumat kepada pihak awam.
4. Menyelaras dan mengawasi program organisasi secara lebih berkesan.
5. Menangani masalah dan konflik.
6. Mewujudkan perhubungan rapat diantara media dalam dan luar organisasi.
7. Mewujudkan sistem maklum balas yang berkesan.
8. Menjadi sumber maklumat dan rujukan.
9. Menyelaras dan menyebar program-program Kerajaan dan menggalakkan penglibatan orang ramai dalam program tertentu.

**SECARA KHUSUS:**

1. Membantu Pegawai Perhubungan Awam Kanan dalam mengendalikan program-program dan aktiviti-aktiviti perhubungan awam bagi Kementerian Kesihatan.
2. Sebagai *liaison* kepada pihak media dan orang ramai.
3. Membantu mengendalikan sidang media dan pengeluaran siaran akhbar.
4. Menyelaras aktiviti publisiti kempen-kempen kesihatan dan promosi kesihatan.
5. Menyelaras pencetakan penerbitan rasmi yang dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan.
6. Mengendalikan pertanyaan dan aduan orang ramai serta memantau media / *press cutting.*
7. Mengemaskini maklumat dalam laman web Kementerian Kesihatan.
8. Membantu menyediakan teks ucapan.
9. Menyelaras pelawat-pelawat VIP.
10. Menghasilkan program audio-visual / multimedia.
11. Mengendalikan pameran.

**3. KETUA PENTERJEMAH
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
C.3-4 EB.5 ($1,990 - $2,970 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam bidang Ilmu Bahasa / Penterjemahan atau bidang bersesuaian.
   **ATAU**
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan bilangan tajuk tawaran serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dialamatkan kepada :-

**Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil.**
**Peti Tawaran, Tingkat Bawah,**
**Kementerian Kesihatan,**
**Commonwealth Drive**
**Bandar Seri Begawan BB 3910**
**Negara Brunei Darussalam**

3. Tawaran-tawaran hendaklah disediakan dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah ditetapkan dan disediakan dalam dua (2) salinan termasuk salinan asal. Dokumen dokumen tawaran hendaklah dihantar tidak lewat dari jam **2.00 petang, hari Selasa pada 3 September 2013. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.**

4. Yuran Tawaran (Tender Fee) bagi tiap-tiap tawaran adalah seperti dinyatakan dan dikehendaki pembayaran dengan WANG TUNAI sahaja (dan yuran tawaran tidak akan dikembalikan). Pembayaran hendaklah dibuat di Bahagian Akaun, Tingkat Bawah Kementerian Kesihatan, Commonwealth Drive, Bandar Seri Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

**Waktu Menerima Bayaran**
**ISNIN - KHAMIS**
**8.00 PAGI - 11.00 PAGI**
**2.00 PETANG - 3.00 PETANG**
**SABTU**
**8.00 PAGI - 10.00 PAGI**

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang paling rendah atau lain-lain tawaran.

6. Tawaran adalah dibukakan kepada semua pemborong-pemborong dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :-

• Sijil Pendaftaran Perniagaan Yang Masih Sahlaku dan Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan.

• Manakala bagi Pemborong/Pembekal yang menyertai tawaran ubat-ubatan (Drug and Medicine) mestilah mempunyai Lesen Racun yang sah Poison Act' (Cap. 114).

• Manakala bagi Pemborong/Pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah daripada Kementerian Pembangunan.

7. Penender yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

**TAWARAN**

**BIL TAWARAN: KK/239/2013(ESTET)**

**KETERANGAN: PENGUBAHSUAIAN PEJABAT KESIHATAN KUALA BELAIT (FASA 2)**

**Kelayakan Pemborong/Pembekal :**

**Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan**

**Kelas : II dan Ke Atas**
**Kategori : KA01, B01**

**YURAN TAWARAN: $50.00**

**TARIKH TUTUP: Tidak lewat jam 2.00 petang, 3 September 2013**

**WEBSITE KEMENTERIAN KESIHATAN PADA 13 JULAI 2013**

## BAHAGIAN IT & E-KERAJAAN JABATAN PERDANA MENTERI

**BAHAGIAN IT & E-KERAJAAN**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN: JPM/ITEG/2/INFO/6**

**Tajuk Tawaran: "The Design and Development of the Prime Minister's Office and its Department Websites"**

**Tarikh Tutup: 10 September 2013, hari Selasa, 2 petang.**

**Information Day: 3 September 2013, Hari Selasa, 2 petang**

**Syarat-Syarat Tawaran :**

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat teknologi maklumat (IT) yang sah berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan yang mempunyai **AAB Status dan ICTAB Kelas 1, dan 2 sahaja.**

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang rapi (*sealed*) dengan menyatakan tajuk tawaran dengan bilangan tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti atau logo Syarikat / Pembekal.

3. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran ke alamat yang tersebut di bawah tidak lewat dari **jam 2.00 petang pada hari Selasa, 10 September 2013.**.

**PENGERUSI,**
**LEMBAGA TAWARAN KECIL,**
**JABATAN PERDANA MENTERI**
**JALAN MENTERI BESAR,**
**BANDAR SERI BEGAWAN BB3913**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

4. Dokumen-dokumen terperinci mengenai tawaran ini boleh diperolehi setelah bayaran harga Yuran Tawaran berjumlah **B$10.00 (tidak akan dikembalikan)** dibuat di Unit Kewangan, Jabatan Perdana Menteri, Tingkat 1, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3913, Negara Brunei Darussalam pada waktu-waktu berikut:

**Isnin Khamis :**

**8. 30 - 11.30 pagi**

**2.00 - 3.00 petang**

**Sabtu :**

**8.30 - 11.30 pagi**

5. Borang Pengakuan dokumen tawaran akan diberikan selepas pembayaran yuran tawaran telah dibuat dan hendaklah diisi dengan lengkap bersama COP syarikat pada waktu yang sama sebelum diberikan dokumen tawaran.

6. Tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.

7.Borang-borang tawaran boleh didapati dalam bentuk sofcopy dengan harga tambahan B$5.00.

8. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.

## JABATAN PELABUHAN KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

**PART 1**
**QUOTATIONS DOCUMENT**
**DEMOLITION OF OLD CANTEEN BUILDING, PORTS DEPARTMENT MUARA**
**BRUNEI DARUSSALAM**
**JP/SH16/2013-2014**
**INVITATION TO BID**

1. SEALED quotation are invited for the Demolition Of Old Canteen Building, Ports Department Muara, Brunei Darussalam - Class I, II & III with relevant category [S01].

1. Quotations document can be obtained from: -

Tender and Quotation Unit
**2nd Floor, Head Quarters Building**
**Ports Department**
**Ministry of Communications**
**Muara BT 1728**
**Negara Brunei Darussalam.**

Quotations document will be issued until **5 SEPTEMBER 2013** any working day:

**MONDAY TO THURSDAY:**
**8.00AM - 11.00AM & 1.30PM - 2.30PM**
**AND SATURDAY: 8.00AM - 10.00AM**

**TIME & PLACE FOR SUBMISSION OF BIDDERS**

2. The quotation(s) must be sent in a sealed, plain envelope with the following requirements: -

(a) DEMOLITION OF OLD CANTEEN BUILDING, PORTS DEPARTMENT MUARA BRUNEI DARUSSALAM - JP/SH16/2013-2014.

Must be clearly written on the front side of the envelope.

(b) The envelope used must NOT bare the name or logo of any company of supplier.

(c) The envelope must be put inside box PETI SEBUT HARGA addressed to : -

**The Chairman**
**Quotation Committee**
**2nd Floor, Ports Department Headquarter**
**Muara BT1728**
**Negara Brunei Darussalam.**

(d) The bids will be received only until **2.00 PM WEDNESDAY, 11 SEPTEMBER 2013.**

**PART 1**
**QUOTATIONS DOCUMENT**
**KERJA-KERJA MENCANTAS DAN MEMOTONG DAHAN POKOK-POKOK KAYU DI TERMINAL JETI PENUMPANG SERASA, MUARA DAN IBU PEJABAT PELABUHAN MUARA BANGUNAN SERBAGUNA, BRUNEI DARUSSALAM**
**JP/SH17/2013-2014**

**INVITATION TO BID**

1. Sealed quotation are invited for the Kerja-Kerja Mencantas Dan Memotong Dahan Pokok-Pokok Kayu Di Terminal Jeti Penumpang Serasa, Muara Dan Ibu Pejabat Pelabuhan Muara Bangunan Serbaguna, Brunei Darussalam - Class I, II & III with relevant category [5F/S03].

2. Quotations document can be obtained from: -

Tender and Quotation Unit
**2nd Floor, Head Quarters Building**
**Ports Department**
**Ministry of Communications**
**Muara BT 1728**
**Negara Brunei Darussalam.**

Quotations document will be issued until **5 SEPTEMBER 2013** any working day:

**MONDAY TO THURSDAY:**
**8.00AM - 11.00AM & 1.30PM - 2.30PM**
**AND SATURDAY: 8.00AM - 10.00AM**
**TIME & PLACE FOR SUBMISSION OF BIDDERS**

3. The quotation(s) must be sent in a sealed, plain envelope with the following requirements: -

**KERJA-KERJA MENCANTAS DAN MEMOTONG DAHAN POKOK-POKOK KAYU DI TERMINAL JETI PENUMPANG SERASA, MUARA DAN IBU PEJABAT PELABUHAN MUARA BANGUNAN SERBAGUNA, BRUNEI DARUSSALAM – JP/SH17/2013-2014.**

Must be clearly written on the front side of the envelope.

(a) The envelope used must NOT bare the name or logo of any company of supplier.

(b) The envelope must be put inside box PETI SEBUT HARGA addressed to: -

**The Chairman**
**Quotation Committee**
**2nd Floor, Ports Department**
**Headquarter Muara BT1728**
**Negara Brunei Darussalam.**

(c) Site inspection will be conducted on **SATURDAY, 7 SEPTEMBER 2013, 09.00AM** at Muara Ports.

(d) The bids will be received only until **2.00PM WEDNESDAY, 11 SEPTEMBER 2013.**

PART 1
**QUOTATIONS DOCUMENT**
**RENOVATION AND REFURBISHING WORKS FOR HEALTH DEPARTMENT (QUARANTINE SECTION) AT TERMINAL JETTY PASSANGER SERASA MUARA, PORTS DEPARTMENT, BRUNEI DARUSSALAM**
**JP/SH18/2013-2014**
INVITATION TO BID

1. Sealed quotation are invited for the Renovation And Refurbishing Works For Health Department (Quarantine Section) At Terminal Jetty Passanger Serasa Muara, Ports Department, Brunei Darussalam - Class I, II & III with relevant category [B01].

2. Quotations document can be obtained from: -

Tender and Quotation Unit
**2nd Floor, Head Quarters Building**
**Ports Department**
**Ministry of Communications**
**Muara BT 1728**
**Negara Brunei Darussalam.**

Quotations document will be issued until **5 SEPTEMBER 2013** any working day:

**MONDAY TO THURSDAY:**
**8.00AM - 11.00AM & 1.30PM - 2.30PM**
**AND SATURDAY: 8.00AM - 10.00AM**
TIME & PLACE FOR SUBMISSION OF BIDDERS

3. The quotation(s) must be sent in a sealed, plain envelope with the following requirements: -

(a) RENOVATION AND REFURBISHING WORKS FOR HEALTH DEPARTMENT (QUARANTINE SECTION) AT TERMINAL JETTY PASSANGER SERASA MUARA, PORTS DEPARTMENT, BRUNEI DARUSSALAM – JP / SH18 / 2013 - 2014.

Must be clearly written on the front side of the envelope.

(b) The envelope used must NOT bare the name or logo of any company of supplier.

(c) The envelope must be put inside box PETI SEBUT HARGA addressed to: -

**The Chairman**
**Quotation Committee**
**2nd Floor, Ports Department Headquarter**
**Muara BT1728**
**Negara Brunei Darussalam.**

(d) The bids will be received only until **2.00PM WEDNESDAY, 11 SEPTEMBER 2013.**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**KEBANKRAPAN NO. 266 TAHUN 2012**

**THE HSBC LIMITED**

… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

Vs

**PG NORLIZA BINTI PG HJ ZAINAL**

**(BYIC No. 00-074560)**

… Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **4 April 2013.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :

PG NORLIZA BINTI PG HJ ZAINAL

No. 18, Simpang 1-5-14, Jalan Kuala Baram, Kampung Sungai Teraban, Kuala Belait KA3337, Brunei Darussalam

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 28 Julai 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **4 April 2013.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **21 Ogos 2013, jam 10.00 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **21 Ogos 2013, jam 10.00 pagi.**

Bertarikh : 3 Ogos 2013

**KEBANKRAPAN NO. 568 TAHUN 2012**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**

… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

Vs

**HJH DYG HALIMAH BINTI TALIB**

**(BYIC No. 00-016338)**

… Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **28 Mac 2013.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :

HJH DYG HALIMAH BINTI TALIB

No. 27, Kampung Sengkarai, Tutong TA2341

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 31 Disember 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **28 Mac 2013.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **11 September 2013, jam 3.00 petang.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **11 September 2013, jam 3.00 petang.**

Bertarikh : 16 Julai 2013

**KEBANKRAPAN NO. 520 TAHUN 2012**

**HSBC FINANCE (B) BERHAD**

… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

Vs

**NORAZMAN BIN HJ RAMLI**

**(BYIC No. 00-072690)**

… Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **11 April 2013.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :

NORAZMAN BIN HJ RAMLI

Lot 220/17, Simpang 286-30-55-3-16-8, RPN Kampung Lumut Liang.

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 13 Disember 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **11 April 2013.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **19 September 2013, jam 10.15 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **19 September 2013, jam 10.15 pagi.**

Bertarikh : 16 Julai 2013

**KEBANKRAPAN NO. 341 TAHUN 2012**

**PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI**

… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

Vs

**AZMAN BIN HAJI AHMAD**

**(BYIC No. 00-115471)**

… Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **18 April 2013.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :

AZMAN BIN HAJI AHMAD

No. 31, Simpang 337, Kampung Sungai Tilong, Jalan Muara BC3315

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 17 November 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **18 April 2013.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **19 September 2013, jam 10.30 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **19 September 2013, jam 10.30 pagi.**

Bertarikh : 16 Julai 2013

**KEBANKRAPAN NO. 40 TAHUN 2013**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**

… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

Vs

**NARUDIN BIN HJ AHMAD**

**(BYIC No. 00-282457)**

… Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **15 Jun 2013.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :

NARUDIN BIN HJ AHMAD

No. 9, Simpang 326-36-4, Kampung Perpindahan Serasa, BT1728

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 27 april 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **15 Jun 2013.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **21 Ogos 2013, jam 2.00 petang.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **21 Ogos 2013, jam 2.00 petang.**

Bertarikh : 3 Ogos 2013

**KEBANKRAPAN NO. 393 TAHUN 2012**

**STANDARD CHARTERED BANK**

… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

Vs

**MD. ZAINI BIN HJI JAPAR**

**(BYIC NO. 00-077346)**

… Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **11 Mei 2013.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :

MD. ZAINI BIN HJI JAPAR

No. 34, Simpang 500, KM 24, Jalan Tutong, Kampung Kupang BT2491

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 10 oktober 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **11 Mei 2013.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **24 Ogos 2013, jam 9.15 pagi.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **24 Ogos 2013, jam 9.15 pagi.**

Bertarikh : 16 Julai 2013

**KEBANKRAPAN NO. 467 TAHUN 2012**

**HSBC FINANCE (B) BERHAD**

… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

Vs

**MARALI BIN HAJI AHMAD**

**(ABDB No. 00-066248)**

… Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **30 Mac 2013.**

Nama dan alamat terakhir diketahui :

MARALI BIN HAJI AHMAD

No. 1, Simpang 82-6-7, Kampung Rimba Gadong, BE3110 and/or

No. 11 Simpang 554, Kampung Salar, Jalan Muara

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 3 Ogos 2013

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **30 Mac 2013.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **21 Ogos 2013, jam 2.15 petang.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **21 Ogos 2013, jam 2.15 petang.**

Bertarikh : 3 Ogos 2013

**KEBANKRAPAN NO. 268 TAHUN 2012**

**THE HSBC LIMITED**

… Pemiutang Penghakiman/Pemetisyen

Vs

**HAJI ABDUL RAZAK BIN MOHAMMAD TAMIN**

**(BYIC No. 00-048802)**

… Penghutang Penghakiman/Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa :

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **4 April 2013**

Nama dan alamat terakhir diketahui :

HAJI ABDUL RAZAK BIN MOHAMMAD TAMIN

No. 3, Simpang 120-48-36-23, STKRJ Mumong, Kuala Belait KA1531

Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen : 8 Ogos 2012

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **4 April 2013.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Mahkamah Besar pada **21 Ogos 2013, jam 2.00 petang.**

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **21 Ogos 2013, jam 2.00 petang.**

Bertarikh : 3 Ogos 2013

**KEBANKRAPAN NO. 718/2009**

**AWANG ABDUL KARIM BIN AWANG HJ ABD. RAZAK**

**(BYIC No. 00-051596)**

Alamat:

No. 7, Simpang 82-5 STKRJ Kampung Rimba,

Negara Brunei Darussalam

Mahkamah: Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam

Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit – 100 sen

Pertama atau terakhir selainya – Terakhir

Bila Kena bayar:

24 Ogos 2013

Tempat Pembayaran:

Di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,

Tingkat 2, Mahkamah Besar,

Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam

**KEBANKRAPAN NO. 196/2007**

**PG HJ YASFADILLAH BIN PG HJ MD YASSIN**

**(BYIC No. 00-060255)**

Alamat:

No. 10, Simpang 819, Kampung Tasek Meradun, Jalan Tutong BF1520

Negara Brunei Darussalam

Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit – 60 sen

Pertama atau terakhir selainya – Terakhir

Bila Kena bayar:

24 Ogos 2013

Tempat Pembayaran:

Di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi,

Tingkat 2, Mahkamah Besar,

Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Semua Si piutang-si piutang kepada nama penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

# Lawatan perpisahan Panglima TNI

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**JERUDONG,** Rabu, 21 Ogos. - Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menerima kunjungan perpisahan daripada Panglima Tentera Nasional Indonesia (TNI), Yang Terhormat Laksamana TNI Dato Paduka Seri Agus Suhartono S.E bertempat di Bolkiah Garison, Kementerian Pertahanan, di sini.

Laksamana TNI Dato Paduka Seri Agus Suhartono S.E menerima tabik hormat dan seterusnya memeriksa kawalan kehormatan yang terdiri daripada anggota Batalion Kedua Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) sejurus ketibaan di Kementerian Pertahanan.

Selepas pemeriksaan kawalan kehormatan, Yang Terhormat mengadakan kunjungan hormat kepada Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan dan seterusnya dibawa melawat ke Muzium ABDB di Bolkiah Garison.

Sepanjang tempoh perkhidmatan, Yang Terhormat telah menyumbang ke arah peningkatan hubungan persahabatan yang panjang dan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara yang mana kedua-dua Angkatan Tentera kerap menghantar anggota tentera untuk latihan ketenteraan, latihan dua hala, mesyuarat dan seminar.

Yang Terhormat akan mula bersara daripada jawatan beliau pada 25 Ogos nanti yang mana beliau telah memegang jawatan Panglima TNI sejak 28 September 2010.

Yang Terhormat Laksamana TNI Dato Paduka Seri Agus Suhartono S.E bersama isteri, Datin Ibu Tetty Agus Suhartono serta rombongan berada di negara ini selama dua hari.



**PANGLIMA Tentera Nasional Indonesia (TNI), Yang Terhormat Laksamana TNI Dato Paduka Seri Agus Suhartono S.E semasa mengadakan kunjungan hormat kepada Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.**

# Siap siaga tangani isu-isu CBRNe

**Berita dan Foto :**
**Aryentty Haji Ariffin**



**PEMANGKU Setiausaha Tetap Bahagian Keselamatan dan Penguatkuasaan, di Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Mohammad Juanda bin Haji A. Rashid semasa menyaksikan Latihan Chemical, Biological, Radiological, Nuclear and Explosive (CBRNe).**

**TUTONG,** Khamis, 22 Ogos 2013. - Lebih 100 anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Perkhidmatan Perubatan, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan mengadakan Latihan Chemical, Biological, Radiological, Nuclear and Explosive (CBRNe), bertempat di Fighting In Build Up Area (FIBUA) Village, Penanjong Kem di Daerah Tutong.

Latihan ini diungkayahkan oleh Bahagian Keselamatan dan Penguatkuasaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama United States Defence Threat Reduction Agency (DTRA).

Ia merupakan susulan daripada bengkel tiga hari Consequence Management yang telah diadakan di Institut Perkhidmatan Awam di ibu negara bertujuan untuk meningkatkan kesiapsiagaan para anggota dan seterusnya meningkatkan lagi kerjasama di antara agensi-agensi kerajaan yang menangani isu-isu yang berkaitan dengan Bahan Kimia, Biologikal, Radiologikal, Nuklear dan Bahan Letupan.

Hadir menyaksikan latihan ini ialah Pemangku Setiausaha Tetap Bahagian Keselamatan dan Penguatkuasaan di JPM, Awang Haji Mohammad Juanda bin Haji A. Rashid; Timbalan Ketua Perwakilan Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Melinda M. Paved; Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Pemangku Pesuruhjaya Polis, Dato Seri Pahlawan Bahrin bin Md. Noor dan Pengarah Bomba dan Penyelamat, Awang Haji Yahya bin Haji Abdul Rahman.

Bengkel Consequence Management adalah salah satu usaha yang diungkayahkan oleh JPM sebagai salah satu persiapan untuk Sidang Kemuncak ASEAN yang akan diadakan pada bulan Oktober 2013.





**PARA anggota pasukan keselamatan dan agensi-agensi berkaitan semasa mengikuti Latihan Chemical, Biological, Radiological, Nuclear and Explosive (CBRNe).**

# Pasukan PDB praktikan amalan kebersihan balai

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 21 Ogos. - Projek Kecantikan Balai dan Pos Polis di seluruh negara merupakan salah satu usaha untuk mempraktikkan amalan kebersihan di Ibu-ibu Pejabat Polis, Balai-balai Polis, Pos-pos Polis dan Bangunan-bangunan Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB).

Sehubungan itu, PDB mengadakan Majlis Penyampaian Hadiah Kecantikan Balai dan Pos Polis bagi Tahun 2012 dan Tahun 2011 berlangsung di Ibu Pejabat Daerah Polis Brunei dan Muara di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah ialah Pemangku Pesuruhjaya Polis, Yang Mulia DCP Dato Seri Pahlawan Bahrin bin Mohd. Noor.

Kategori 'A' dimenangi oleh Ibu Pejabat Daerah Polis Brunei/Muara dan Balai Polis Pusat (2012) dan Ibu Pejabat Daerah Polis Temburong/Balai Polis Temburong (2011), tempat kedua diraih oleh Pejabat dan Perumahan Polis Kawalan Diraja Beribi (2012) dan Ibu Pejabat Daerah Polis Tutong/Balai Polis Tutong (2011) dan tempat ketiga ialah Ibu Pejabat Pasukan Simpanan Polis dan Pasukan Simpanan Kompeni 'C' termasuk kawasan barik (2012 dan 2011).

Bagi Kategori 'B' pula, tempat pertama dimenangi oleh Pasukan Simpanan Kompeni 'B' (2012) dan Pusat Latihan Polis (2011), tempat kedua ialah Pusat Latihan Polis (2012) dan Pasukan Simpanan Kompeni 'A' (2011) manakala tempat ketiga ialah Pasukan Simpanan Kompeni 'D' (2012) dan Bilik Pengawal Ibu Pejabat (2011).

Tempat pertama bagi Kategori 'C' diraih oleh Balai Polis Sungai Liang (2012/2011), tempat kedua Balai Polis Berakas (2012) dan Balai Polis Lamunin (2011) manakala di tempat ketiga ialah Balai Polis Seria (2012) dan Balai Polis Sengkurong (2011).

Sementara bagi Kategori 'D', tempat pertama dimenangi oleh Pejabat Polis Laut Marin (2012) dan Pos/Perumahan Polis Andulau (2011) diikuti di tempat kedua oleh Pos dan Perumahan Polis Andulau (2012) dan Pejabat dan Kawasan Pancaragam Polis Gadong (2011) manakala pemenang tempat ketiga ialah Bahagian Kenderaan dan Bengkel (2012) dan Pejabat Polis Laut Marin (2011).

Dalam kategori 'E' pula, Pos Polis Lumapas (2012/2011) memenangi tempat pertama, tempat kedua diraih oleh Pos Polis KM28 (2012) dan Pos Polis Kg Sungai Baru Seria (2011) sementara tempat ketiga ialah Pos Polis Puni (2012) dan Pos Polis Bebuloh (2011).

Bagi Kategori 'F' pula, tempat pertama diraih oleh Barik Bujang Pasukan Simpanan Kompeni 'D' (2012/2011), tempat kedua Barik Bujang Pasukan Simpanan Kompeni 'A' (2012) dan Barik Bujang Balai Polis Limau Manis (2011) dan tempat ketiga Barik Bujang Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas (2012) dan Barik Bujang Balai Polis Berakas (2011).

Projek berkenaan antara lain bertujuan untuk mewujudkan kesedaran di kalangan warga PDB tentang amalan kebersihan selain menyifatkan keutamaan kebersihan sebagai disiplin dalam kehidupan, yang mana kebersihan dan kecantikan dapat mempengaruhi warga setempat dalam memberikan semangat kerja yang tinggi dan menerapkan ketenangan dalam diri.

Selain itu, projek tersebut juga dapat menimbulkan rasa tanggungjawab dalam usaha setiap pegawai dan anggota sebagaimana amalan ini telah dibentuk seawal-awalnya semasa setiap pegawai dan anggota menjalani latihan asas di Pusat Latihan Polis.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Pengarah-Pengarah, Timbalan-Timbalan Pengarah, Pegawai-Pegawai Pemerintah Daerah Polis, Ketua-Ketua Formasi & Unit, pegawai-pegawai, anggota pangkat rendah dan pegawai serta kakitangan awam.



**PEMANGKU Pesuruhjaya Polis, Yang Mulia DCP Dato Seri Pahlawan Bahrin bin Mohd. Noor semasa menyampaikan hadiah kepada wakil pemenang pertandingan tersebut.**

# Kelab Perkhidmatan Awam erat semangat silaturahim

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**MENTIRI,** Ahad, 25 Ogos. - Lebih 200 peserta menyertai acara walkaton sempena Hari Ulang Tahun Kelab Perkhidmatan Awam kali ke-23 yang bermula dan berakhir di Kelab Perkhidmatan Awam, Kampung Mentiri, di sini.

Pemangku Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Awang Haji Abdul Manap bin Othman hadir merasmikan dan juga menyertai acara walkaton tersebut.

Peserta lelaki berjalan sejauh tiga kilometer, manakala peserta wanita pula berjalan kaki sejauh 2.5 kilometer.

Terdahulu, acara walkaton berkenaan dimulakan dengan sesi pemanasan badan.

Walkaton antara lain bertujuan bagi mempromosikan Kelab Perkhidmatan Awam kepada orang ramai khususnya warga Perkhidmatan Awam, di samping memupuk semangat silaturahim antara kakitangan jabatan berkenaan bersama ahli-ahli kelab, para penduduk kampung dan sekitarnya serta orang ramai.

Walkaton berkenaan turut disertai oleh pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan JPA, penduduk kampung dan ahli-ahli kelab serta orang ramai.

Kelab Perkhidmatan Awam dibuka rasmi pada 26 Ogos 1990 dengan hasrat memupuk perasaan harmoni, perpaduan, persahabatan yang erat dalam kalangan semua anggota dalam Perkhidmatan Awam.



PEMANGKU Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Awam, Awang Haji Abdul Manap bin Othman semasa menjalani sesi pemanasan badan sebelum berlangsungnya acara walkaton tersebut.

# 'FBEPS Fun Run and Cycle' tarik minat ramai penyertaan



SEJAUH empat kilometer bagi acara larian bebas Perniagaan Ekonomik dan Polisi Pengajian kali ini yang bermula dan berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Oleh : Abdullah Asgar
Foto : Masri Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 25 Ogos. - Sejumlah 667 orang peserta menyertai 'FBEPS Fun Run and Cycle' sebagai kegiatan amal yang anjuran Community Outreach Programme Faculty bagi Perniagaan Ekonomik dan Polisi Pengajian (FBEPS), Universiti Brunei Darussalam.

Kejohanan itu bermula dan berakhir di Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang dimulakan dengan sesi senamrobik oleh para peserta Fun Run yang juga disertai oleh tetamu kehormat Penolong Naib Canselor (Korporat dan Pentadbiran) UBD, Hajah Anis Faudzulani bin Haji Dzulkiflee.

Acara Ekspedisi Berbasikal sejauh 42 kilometer yang berbasikal ke Lebuhraya Muara Tutong, menuju ke Jalan Penghubung Tungku, memasuki Lebuhraya Sultan Haji Hassanal Bolkiah sebelum berpatah balik ke garis mula.

Acara larian sejauh empat kilometer yang juga bermula dan berakhir di Stadium Negara juga menyertai larian ialah keluarga Smarter Brunei.

Tetamu kehormat telah melepaskan kesemua peserta bagi kedua kategori berkenaan.

Pada akhir acara para peserta juga berpeluang memenangi hadiah bertuah yang menyediakan barangan elektrik dan elektronik selain tiket penerbangan.

Acara 'I Run I Cycle I Care' itu bertujuan untuk mengisi tabung kewangan Smarter Brunei serta menguji keupayaan para pelajar FBEPS dalam mengendalikan acara besar yang melibatkan penyertaan orang ramai.

## *NASIONAL*

# Koperasi ITM menaik taraf kehidupan ahli

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali




AWANG Haji Umar bin Haji Muhammad mempengerusikan Mesyuarat Agung Koperasi ITM Bhd. buat kali kelima yang dihadiri lebih daripada 50 ahli.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 18 Ogos. - Gerakan koperasi lahir daripada keinginan untuk menaik taraf kehidupan dan menghindarkan diri daripada tekanan sekeliling yang memerlukan kerjasama, kesetiaan dan kesedaran tanggungjawab setiap individu untuk memastikan ianya tercapai.

Tanpa mengira kedudukan, sosio-budaya dan agama, para anggota koperasi perlu bersatu hati dalam memastikan gerakan koperasi terus bergerak mengikut landasan sebenar sebagai pendukung kepada kejayaan sesebuah koperasi.

Sehubungan itu, Koperasi Ikatan Teluk Mewah (ITM) Bhd. mengadakan mesyuarat agung koperasi berkenaan buat kali kelima yang dihadiri lebih dari 50 ahli mereka yang diadakan di Dewan Kuliah, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Dalam ucapan ringkas yang dipengerusikan oleh Awang Haji Umar bin Haji Muhammad pada mesyuarat tersebut menerangkan mengenai beberapa agenda projek ITM yang akan dibincangkan antaranya Projek Pengoperasian Stesen Minyak Koperasi ITM, Ladang Tanaman Buah-buahan ITM, Kilang Pembuatan Kotak ITM, Restoran Terapung 'Kapal Sri Mahkota ITM' dan Pembelian Tapak Tanah Stesen Minyak Koperasi ITM.

Bagi menjayakan projek-projek ITM tersebut ujar beliau, beberapa siri lawatan kerja bagi menghadiri kursus dan seminar dalam dan luar negara telah dihadiri dan diungkayakhan pada sepanjang tahun 2011/2012, termasuk mengadakan lawatan kerja kepada Yang Berhormat Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan mendapatkan nasihat Jabatan Pertanian dan pihak-pihak yang berkaitan yang lain.

Meneliti laporan yang telah diedarkan untuk disemak dan dibahaskan antara tujuan mesyuarat seumpama ini diadakan sekali gus menerima pakai cadangan-cadangan dan perubahan-perubahan yang terbaik tertakluk kepada beberapa pembetulan dan perubahan tersebut.

Dengan meningkatkan kecekapan dan kesetiaan warganya sepanjang masa merupakan terletaknya kejayaan sesebuah koperasi, dari itu adalah menjadi harapan ITM agar semua warganya berganding bahu terlibat dengan pergerakan program/aktiviti koperasi agar ianya terus berkembang dan mendapat tempat dalam kalangan masyarakat di Negara Brunei Darussalam.

ITM juga berharap dengan adanya projek-projek yang sedang diusahakan ini pada masa yang sama akan dapat memberikan sumbangan ekonomi kepada ahli-ahlinya dan negara amnya, selain dapat mendukung kemajuan dan pembangunan serta inspirasi negara.

# MPP SMSH kukuhkan ukhuwah bersama warga Pusat Ehsan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

**BENGKURONG,** Jumaat, 23 Ogos. - Untuk mengukuhkan ikatan ukhuwah sesama insan dan merapatkan lagi hubungan silaturahim, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sekolah Menengah Sayyidina Hussain (SMSH) menganjurkan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri bersama pelajar-pelajar dan kakitangan Pusat Ehsan.

Majlis berkenaan berlangsung di Dewan Serbaguna, pusat berkenaan, di sini.

Ketibaan seramai 40 pelajar-pelajar dan guru-guru SMSH dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Pentadbiran Pusat Ehsan, Dayang Nurul Huda binti Haji Muhin.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dipimpin oleh Naib Yang Di-Pertua MPP SMSH, Awang Zul Fazdli Nur Aminuddin bin Zul Madjdi dan diteruskan dengan ucapan alu-aluan Pemangku Ketua Pentadbiran Pusat Ehsan.

Dalam ucapan itu, beliau merakamkan rasa terima kasih kepada MPP SMSH kerana meraikan Majlis Ramah Mesra Aidilfitri bersama warga pusat tersebut.

Sementara Naib Yang Di-Pertua MPP SMSH melahirkan rasa gembira dan muhibah kerana dapat bertemu dan bersama-bersama meraikan majlis ramah mesra bersama warga pusat itu.

Ramah mesra Aidilfitri diserikan dengan persembahan hiburan nyanyian dan tarian Hari Raya yang dibawakan oleh pelajar-pelajar Pusat Ehsan dan MPP SMSH.

Pada masa ini, seramai 139 orang insan-insan istimewa berdaftar dan mengikuti pelbagai program di Pusat Ehsan Cawangan Bengkurong, manakala 51 orang lagi insan-insan istimewa berdaftar di Cawangan Kuala Belait.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al- Hajjah Maryam adalah sebuah badan amal kebajikan bukan kerajaan dan tidak berasaskan keuntungan, menyediakan pembelajaran khas yang bermutu, latihan, pemedulian dan perkhidmatan pemulihan anggota kepada insan-insan istimewa di Negara Brunei Darussalam.



PELAJAR-PELAJAR Pusat Ehsan dan MPP SMSH semasa membuat persembahan hiburan nyanyian dan tarian Hari Raya.

# Kuasa ICT berpotensi pengaruhi kehidupan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1434H anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Dari muka 1

"Penggunaan yang tidak betul dan menyeleweng, boleh mengundang kepada kemudharatan-kemudharatan serious bagi individu, keluarga dan masyarakat," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 1434H anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Sehubungan itu baginda bertitah agensi-agensi yang bertanggungjawab dan semua sektor yang berkaitan hendaklah memastikan, ICT hanyalah sebagai pemudah cara untuk meningkatkan produktiviti, keberkesanan dan efisiensi di dalam urusan serta untuk menjana pertumbuhan ekonomi.

Terdahulu, baginda bertitah tertarik kepada perkembangan ICT bagi membantu dan menggalakkan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dan Authoriti Industri Teknologi Info-Komunikasi (AITI) dalam menjana perkembangan industri ICT di negara ini menerusi skim bantuan berupa geran khusus kepada syarikat-syarikat ICT dan media digital tempatan untuk mereka lebih ke hadapan menghasilkan produk-produk yang berpotensi untuk dikomersilkan di pasaran antarabangsa.

Baginda juga sangat menghargai pencapaian para pelajar dan golongan belia dalam pertandingan-pertandingan Brunei ICT seperti CIPTA, BICTA, IGNITE, INFORAMA dan pada pertandingan-pertandingan peringkat serantau dan antarabangsa seperti APICTA.

Menurut baginda kejayaan itu akan terus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang lebih dinamik bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan ICT 'made in Brunei' serta mampu menembusi pasaran antarabangsa.

Dalam masa yang sama baginda bertitah apa-apa jua yang berunsur keburukan atau yang merugikan hendaklah disekat dan dibanteras kerana ia merupakan satu-satunya langkah penting untuk mengelakkan penyesalan.

## Keputusan G.C.E peringkat 'A', 'AS', 'O' dan IGCSE dikeluarkan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Ogos. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan mengeluarkan keputusan Peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E. Peringkat 'A', 'AS' dan 'O' dan International General Certificate of Secondary Education (IGCSE) Mei / Jun 2013.

Daripada 656 calon yang menduduki peperiksaan Peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E. Peringkat 'A', seramai 230 atau 62.96 peratus mendapat sekurang-kurangnya 1 peringkat 'A'.

Pada keseluruhannya peratus calon yang memperolehi sekurang-kurang 2 'A' adalah 35.06 peratus yang mana pencapaian calon sekolah adalah 44.05 peratus, manakala prestasi calon persendirian adalah sebanyak 29.46 peratus.

Daripada 2,786 calon yang menduduki Peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E. peringkat 'AS', 2460 atau 88.30 peratus telah berjaya memperolehi sekurang-kurangnya 1 mata pelajaran peringkat 'AS' dengan peningkatan sebanyak 0.58 peratus daripada Jun 2012.

Peratus calon yang memperolehi sekurang-kurang 2 'AS' adalah 1,962 calon atau 70.42 peratus, pencapaian ini meningkat sebanyak 3.91 peratus dan begitu juga pencapaian calon sekolah adalah 70.74 peratus, peningkatan sebanyak 3.91 peratus daripada pencapaian Jun 2012.

Daripada 2,572 calon (tidak termasuk yang menduduki satu atau dua mata pelajaran) yang menduduki Peperiksaan Brunei-Cambridge G.C.E. Peringkat 'O', seramai 691 calon atau 26.87 peratus mendapat sekurang-kurangnya 3 'O' dengan peningkatan sebanyak 2.64 peratus. Pencapaian calon sekolah adalah sebanyak 31.21 peratus, ini termasuk calon sekolah-sekolah kerajaan sebanyak 29.70 peratus dengan peningkatan sebanyak 3.72 peratus. Seramai 373 calon atau 14.50 peratus mendapat sekurang-kurangnya 4 'O'. Manakala pencapaian calon sekolah adalah sebanyak 14.74 peratus, ini termasuk calon sekolah-sekolah kerajaan sebanyak 16.56 peratus dengan peningkatan sebanyak 2.36 peratus.

Pada keseluruhan peratus calon yang memperolehi 5 peringkat 'O' dan ke atas adalah seramai 181 calon atau 7.04 peratus, yang mana pencapaian calon sekolah adalah 8.32 peratus dengan peningkatan sebanyak 0.71 peratus, manakala calon yang mendapat 8 hingga 9 'O' adalah sebanyak 0.78 peratus.

Sehubungan dengan ini, penuntut-penuntut yang mengambil peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing, manakala calon-calon persendirian dikehendaki mengambil slip keputusan mereka di Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan sewaktu pejabat dibuka.

# Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Malaysia,Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussien.(atas kiri) manakala gambar atas kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Tengku Datin Seri Marsilla binti Tengku Abdullah, isteri Menteri Pertahanan Malaysia.

**Oleh : Samle Haji Jait, Abdullah Asgar**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Isnin, 26 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussien.

Juga hadir pada Majlis Mengadap tersebut ialah Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Yang Berbahagia Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Ahmad dan Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, Cik Haznah Md. Hashim.

Turut hadir ialah Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar, Setiausaha Tetap JPM, Dato Paduka Haji Hamdan bin Haji Abu Bakar dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Pengiran Dato Paduka Haji Azmansham bin Pengiran Haji Mohamad.

Menteri Pertahanan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussien berada di negara ini bagi lawatan pengenalan selama tiga hari.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Sementara di ruang lain Istana Nurul Iman, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap Tengku Datin Seri Marsilla binti Tengku Abdullah, isteri Menteri Pertahanan Malaysia.

Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini.

Juga hadir di Majlis Mengadap ini ialah Datin Dayang Hajah Noryasimah binti Abdullah, isteri Menteri Tenaga di Jabatan Perdana Menteri dan Datin Paduka Dayang Hajah Maimunah binti Dato Paduka Haji Elias.

Tengku Datin Seri Marsilla berada di negara ini menyertai suami, Menteri Pertahanan, Malaysia,Yang Berhormat Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussien, bagi lawatan pengenalan selama tiga hari.

## HASILKAN PRODUK ICT 'MADE IN BRUNEI'

دتربيتكن اوليه جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه جابتن ڤرچيتقن كراجان، نڬارا بروني دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.